

BULETIN KPKT

VOLUME 2/2012

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN



SINGGAH SAHUR KSN



ADUAN SAMPAH BERKURANGAN
SEJAK AKTA DIKUATKUASA
Mukasurat 4

PROGRAM JJD : KPKT
BERSAMA RAKYAT
Mukasurat 18



Sidang Redaksi

Penasihat

YBhg. Datuk Arpah Abdul Razak
Ketua Setiausaha

Ketua Editor

Jessylina Mat Lazim
Ketua Unit Komunikasi Korporat

Penolong Ketua Editor

Rosyila Abdul Latif

Sidang Pengarang

Jabatan Perumahan Negara
Jabatan Kerajaan Tempatan
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Sem. Malaysia
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
Jabatan Landskap Negara
Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah
Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Bahagian Undang-Undang
Bahagian Dasar
Bahagian Inspektorat
Bahagian Kewangan Dan Perolehan
Bahagian Pembangunan Dan Pelaksanaan Projek
Bahagian Khidmat Pengurusan
Bahagian Korporat
Bahagian Pemberi Pinjam Wang Dan Pemegang Pajak Gadaai
Bahagian Sumber Manusia
Bahagian Teknologi Maklumat
Unit Audit Dalam

Fotografi

Ahmad Marzuki Othman

Penerbit

Unit Komunikasi Korporat

Editor Buletin KPKT amat menghargai sumbangan artikel daripada warga KPKT. Artikel berkenaan hendaklah dikemukakan ke:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 2, No. 51 Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya
Tel : (603) 8891 5556
Faks : (603) 8891 5557
E-mel : pro@kpkt.gov.my

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
No. 51 Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya
Tel : (603) 8891 5000
Faks : (603) 8891 5557
Laman web : www.kpkt.gov.my
Facebook : www.facebook.com/KPKTMalaysia
Twitter : www.twitter.com/kpkt_gov

Tinta Pena Sidang Redaksi

Assalamualaikum dan Salam 1Malaysia diucapkan kepada semua pembaca yang akan mengikuti rentetan pelbagai rakaman program dan aktiviti KPKT sepanjang April hingga Ogos 2012 dalam Buletin KPKT Volume 2/2012 ini.

Terlebih dahulu, pihak sidang redaksi ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kerjasama semua pihak yang telah menyumbang input dan cadangan penambahbaikan bagi memastikan kesinambungan penerbitan Buletin KPKT.

Buletin KPKT Volume 2/2012 ini diterbitkan dalam suasana yang unik dan istimewa yang mana kita diberi peluang menghayati Ramadhan al-Mubarak yang penuh keberkatan, menikmati kemeriahan Syawal dan meraikan bulan Kemerdekaan yang ke-55. Bersempena dengan itu, keluaran kali ini sarat memuatkan pelbagai program dan aktiviti yang telah dijalankan.

Dikesempatan ini juga, sidang redaksi mewakili semua warga KPKT ingin mengucapkan tahniah kepada Encik Yong Bun Fou yang telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan) KPKT berkuatkuasa pada 8 Mei 2012. Kami mengalu-alukan kedatangan beliau dan menjadi sebahagian dari keluarga besar KPKT untuk bersama-sama memacu KPKT menjadi Kementerian yang unggul dan disegani.

Sidang Redaksi

Buletin KPKT Volume 2/12

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

GOVT MOVES UP VALUE CHAIN, PROVIDING BETTER LOW-COST HOUSING

Key objective is to enable the low-income group and hardcore poor to enjoy quality of life and a healthy environment

The government has not only been providing housing for the masses since the country's independence in 1957 but has also moved up the value chain in keeping with the times.

Today, it is providing low-cost housing that comes with bigger built-up areas of 700sq ft (compared with 650sq ft and 600sq ft in past decades), three bedrooms and two bathrooms, a kitchen and a yard for drying clothes. The units come with tiles floors as well.

There are also facilities such as community halls, children's playgrounds, kindergartens, shops, stalls, surau, car-parking bays and other public spaces so the residents can enjoy enhanced quality of life and a healthy living environment.

All this is the result of guidelines introduced to ensure housing with respect to space, comfort as well as finishing and fittings that conform to standards and specifications, says Dato' Seri Chor Chee Heung, Minister of Housing and Local Government (KPKT).

Chor says the government has decided that home to be build by KPKT under its People's Housing Programme (PPR) must be people-centric.

In addition, KPKT has to see to it that the bottom 40% of households – families of less than RM2,500 a month – and squatters are able to live in permanent homes.

These are among the imperatives under the 10th Malaysia Plan (2011-2012).

"The government takes into consideration the needs of residents in PPR housing and would want the low-income group and urban poor to live in a more comfortable, relaxed and healthier environment," the minister says.

According to him, besides providing adequate housing to Malaysians, the quality of housing must reflect the changing environment. One of the objectives is to ensure that the towns and cities in the country are considered liveable, with increased effectiveness of public cleaning of roads and drains and solid waste management.

There is also a new policy to help the management committee of public low-cost housing through the RM500 million housing maintenance fund under the duration of the 10th Malaysia Plan. It is to be used for major repair and maintenance works such as replacing lifts and water tanks that require a huge one-off sum of money.

Since the PPR was introduced in 1998, the federal government has built, through KPKT, 65 projects comprising 66,441 PPR housing units for rent and 23 projects consisting of 3,109 PPR units for sale.

The units will be rented to applicants who meet the conditions and criteria at RM124 a month or sold at a price of RM30,000 to RM35,000 each.

The 65 projects are located nationwide in Perlis, Kedah, Penang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Sabah, Sarawak and Kuala Lumpur while the 23 projects are all located in Pahang.

The total cost of the 88 projects with a combined 66,550 units came to about RM3.63 billion.

In additions, a total of 32 projects involving 17,235 units are in various stages of implementation.

In 2012, seven projects made up of RM2,686 units costing a total RM317.66 million are expected to be completed and their keys handed over to occupants. Of these, 1,000 units (for rent) are located in Sungai Manila, off Jalan Labuk, Sabah; 1,000 units (for rent) in Kemena Land district, Sarawak; 336 units (for rent) in Batu Berendam, Malacca; and 346 units (for sale) in Pahang.

HIGHLIGHTS



Chor says all PPR sites have good accessibility to public facilities and amenities such as public transport, schools, clinics and such because the federal government has carried out site feasibility studies after the sites have been proposed by state governments.

Among the criteria, these proposed sites, in addition to having appropriate and basic facilities, should not be problematic to develop nor involve high cost of site preparation such as swamps and hilly areas.

"The National Housing Policy aims to provide accessible, adequate and quality housing for all Malaysians, especially the low-income Malaysian group.

"KPKT's priority is to provide low-cost housing for the strata of our society who needs extra government help ... what we are doing is not enough taking into consideration the rising demand for housing from the low-income with a household income of under RM2,500 a month," he notes.

The main challenge in providing PPR unit, he points out, is the rising costs of building which the government subsidizes between RM80,000 and RM100,000 for each unit.

"We hope every state development corporation would play its role in providing housing to this group. Those already doing so are complementing the federal government's efforts and that is a move in the right direction," Chor continues.

However, in the government's quest to provide PPR housing to the lower income group, one of the foremost challenges faced by both the federal and state governments including the local authorities is the apathetic of "tidak apa" and selfish attitude of the residents, especially when it comes to the payment of RM15 – RM20 monthly maintenance and management charges.

As one Chief Minister of a state puts it, "The resident can afford Astro Televisions Services and own cars but just refuse to pay up the maintenance and management charges, leading the PPR housing scheme to be like an urban slum."

KPKT is now seriously looking into legislative measures to enforce such payments in a speedier way, Chor adds.

EKSKLUSIF

"Melalui analisis aduan yang dijalankan oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA), di negeri Pahang dan Wilayah Persekutuan terdapat penurunan kes-kes aduan sisa pepejal yang tidak dikutip. Pada Januari 2012 sebanyak 819 aduan direkodkan, Februari 542 aduan, Mac dan April 480 aduan dan pada Mei sebanyak 422 aduan direkodkan. Pengurangan jumlah aduan yang ketara dapat dilihat melalui kaedah pemantauan yang telah dijalankan PPSPPA."



ADUAN SAMPAH BERKURANGAN SEJAK AKTA BERKUATKUASA

Penswastan dan Pelaksanaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) yang telah dikuatkuasakan pada 1 September 2011 telah memperlihatkan keberkesanan di dalam pengurusan sisa pepejal terutama di dalam kepatuhan syarikat-syarikat konsesi dalam pengurusan kutipan sisa pepejal menurut YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tambahnya lagi "Melalui analisis aduan yang dijalankan oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA), di negeri Pahang dan Wilayah Persekutuan terdapat penurunan kes-kes aduan sisa pepejal yang tidak dikutip. Pada Januari 2012 sebanyak 819 aduan direkodkan, Februari 542 aduan, Mac dan April 480 aduan dan pada Mei sebanyak 422 aduan direkodkan. Pengurangan jumlah aduan yang ketara dapat dilihat melalui kaedah pemantauan yang telah dijalankan PPSPPA."

"Di samping itu juga dengan tindakan penalti dalam mematuhi KPI yang ketat (*stringent*) serta penalti yang tinggi seperti yang terkandung di dalam perjanjian konsesi merupakan satu cabaran kepada syarikat-syarikat konsesi ini. Kerajaan telah menetapkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan dimasukkan di dalam Perjanjian Konsesi yang mana telah ditandatangani oleh ketiga-tiga Syarikat Konsesi Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam."

Menurut Dato' Seri Chor, "KPI yang telah ditetapkan terbahagi kepada dua iaitu KPI primer dan sekunder mengikut betapa seriusnya kesalahan. Umpamanya, titisan air *leachate* daripada lori kompaktor, kenderaan yang digunakan tidak memenuhi keperluan Perjanjian Konsesi atau menggunakan kenderaan kutipan sisa pepejal untuk mengutip sisa-sisa pepejal lain dianggap sebagai kesalahan berat dan terjatuh di bawah KPI primer yang akan menyebabkan syarikat konsesi dikenakan denda dan *point deduction*, manakala kesalahan kecil seperti *missed collection* ataupun tidak menutup kembali tong sampah dikira sebagai kesalahan sekunder, syarikat konsesi dikenakan denda lebih rendah berbanding bayaran denda kesalahan primer."

"Kesalahan sekunder yang telah dikenakan ke atas Syarikat Konsesi kutipan sisa pepejal Alam Flora Sdn. Bhd sebanyak RM1.7 Juta tidak membawa maksud bahawa prestasi syarikat yang bertanggungjawab ke atas perkhidmatan kutipan sisa pepejal di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Pahang itu berada di tahap yang tidak memuaskan. Penalti ini bukan sahaja dikenakan kepada Alam Flora Sdn Bhd malahan kepada syarikat konsesi yang lain iaitu SWM Environment Sdn Bhd dan Environment Idaman Sdn Bhd. Penalti ini membawa mesej bahawa, Kerajaan amat serius dan tegas dalam memastikan mutu perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat konsesi mencapai tahap yang disasarkan. Majoriti kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh Alam Flora Sdn. Bhd, dan syarikat konsesi yang lain dikenal pasti di bawah KPI sekunder perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam."

Tindakan mengenakan denda ke atas konsesi ini menunjukkan ketegasan penguatkuasaan bagi memastikan objektif utama penswastan iaitu kualiti pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam berada di tahap yang lebih baik tercapai. Justeru, jumlah denda yang dikenakan kepada Alam Flora ini bukanlah gambaran syarikat tersebut tidak mampu melaksanakan perkhidmatan mereka. Dalam tempoh lapan (8) bulan ini (September 2011-April 2012) Alam Flora juga giat menambah baik perkhidmatan mereka sama ada membuat pembelian lori kompaktor yang baru termasuklah memastikan tenaga kerja yang mahir dalam usaha mematuhi KPI yang ditetapkan dan menambah baik perkhidmatan kutipan sisa pepejal di kawasan-kawasan pentadbiran mereka. Malah Kerajaan juga bersetuju telah terdapat peningkatan mutu perkhidmatan pengurusan sisa pepejal di semua negeri-negeri yang menerima penswastan pengurusan sisa pepejal di Malaysia sejak September 2011 hingga hari ini."

Tegas beliau, "Walau bagaimanapun Kerajaan tidak akan berkompromi sekiranya kesalahan-kesalahan kecil ini masih berterusan dan tiada tindakan pembetulan (*corrective and preventive*) diambil oleh syarikat-syarikat konsesi yang bertanggungjawab sehingga menyebabkan rakyat tidak selesai dan tindakan yang lebih tegas boleh diambil terhadap syarikat konsesi yang telah dilantik."

REVIVING ABANDONED PROJECTS



Why Projects Are Abandoned?

- Poor Market Study
- Ineffective Project and Cash Flow Joint Venture disputes between land proprietor and developer
- Lack of Incentives to complete projects which are already late (where liquidated ascertain damage claims exceed cost)
- Financier abruptly withdraws their support Developments orders are Overruns due to hike in materials

Laws Enacted and Actions Taken

- Amendments to Act 118 by imposing penal sanction, including incarceration of errant developers and increasing deposits amount from the current 200,000 to 3% of the project value
- Establishment of forensic accountants to audit Housing Development Account Utilisation, architect certification for progress claims and physical work on site
- Introduce the concept of build and sell with added incentive for developers
- Individuals who were directors of sick or abandoned projects will be blacklisted
- Local Councils will be tasked with monitoring all residential developments their jurisdiction as part of their KPIs More meetings between governing bodies to discuss and communicate each party's concerns and progress.

REKOD KEJAYAAN TRIBUNAL TUNTUTAN PEMBELI RUMAH

Oleh **HASHNAN ABDULLAH**
pengarang@utusan.com.my

TRIBUNAL Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) di bawah KPKT mungkin boleh dianggap sebagai 'hero yang dilupakan' walaupun telah beroperasi sejak 2003 dan sehingga kini mengendalikan lebih 6,000 kes. Juga dilaporkan bahawa kadar penyelesaian kes tuntutan yang difailkan kepada TTPR sejak ia ditubuhkan hingga Disember tahun lalu adalah sekitar 96.28%. Jelas sekali dalam mana-mana pameran perumahan sama ada berskala kecil atau besar, kaunter TTPR jarang sekali dikunjungi atau diberikan perhatian oleh bakal pembeli, walaupun ia terletak di satu sudut yang agak strategik.

Mungkin bakal pembeli 'sibuk' memenuhi impian memiliki rumah sendiri, sehingga terlupa peranan TTPR yang boleh membela mereka jika kediaman yang dihajati indah khabar dari rupa terutamanya apa yang diuar-uarkan dalam risalah promosi. Rumah tidak dibina menurut pelan asal, ukuran kawasan tanah tidak menurut keluasan dalam perjanjian, projek rumah terbelengkalai, kerosakan bahagian bangunan rumah, kemudahan tidak disediakan atau tidak lengkap dan rumah disiapkan lewat.

Selepas berhadapan dengan masalah, barulah TTPR yang ditubuhkan berikutan pindaan Akta Pemajuan Perumahan (kawalan dan pelesenan) 2002 terlintas di fikiran selain mengadu kepada media massa atau orang politik. Pengerusinya, Tuan Shamsulbahri Ibrahim mengakui, biar pun sering dilupakan namun pihaknya tidak pernah jemu turun padang menyedarkan orang ramai tentang peranan TTPR.

"Bila kami pergi kempen atau promosi, barulah orang ramai tahu adanya TTPR dan kita juga buka kaunter pada pameran perumahan atau Ekspo Harta Malaysia (*Mapex*) tetapi pada masa itu, orang ramai tidak perasan kerana mereka sibuk nak beli rumah. "Kurang kesedaran itu telah menyebabkan ada kes-kes tuntutan tertentu yang terpaksa kami tolak kerana ia difailkan selepas tempoh 12 bulan daripada tamatnya tempoh jaminan," katanya.

Mulai 2007, tempoh jaminan sesebuah rumah adalah 24 bulan selepas tarikh serah kunci dan pembeli masih mempunyai tempoh 12 bulan lagi untuk membuat sebarang tuntutan selepas tempoh jaminan itu tamat. Dengan kata lain, pembeli mempunyai tempoh untuk membuat sebarang tuntutan selama tiga tahun iaitu 24 bulan dalam tempoh jaminan dan 12 bulan lagi selepas tempoh jaminan itu tamat.

Bagaimanapun, Shamsulbahri tidak menyalahkan orang ramai dalam hal itu kerana bagi beliau, sudah menjadi lumrah setiap manusia teruja mahu memiliki rumah sendiri. Beliau berkata, ia sejajar dengan langkah kerajaan mewujudkan dasar pembelian rumah mengikut pendapatan penduduk iaitu kos rendah, sederhana dan mewah.

"Kini setiap orang mampu membeli rumah dan kemampuan itu turut menyebabkan harga rumah meningkat setiap tahun. Ditambah pula apabila pemaju memberi nilai tambah lain pada rumah yang dijual seperti percuma pendingin hawa, pemanas air, kolam mandi dan sebagainya," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, sudah tiba masanya bidang kuasa TTPR diperkasakan lagi sebagai satu usaha mendidik pemaju agar bersifat jujur dalam membina rumah. Langkah itu, katanya, amat perlu kerana bidang kuasa TTPR kini hanyalah RM50,000 ke bawah dan ia dilihat tidak lagi sesuai dengan harga rumah yang kebanyakannya RM300,000 ke atas.

"Mungkin jumlah yang sesuai adalah sekitar RM70,000 hingga RM90,000 dan ia sejajar dengan peranan TTPR sebagai alternatif kepada pembeli yang tidak mahu menggunakan mahkamah untuk membuat tuntutan ganti rugi daripada pemaju," katanya.

Menurut Shamsulbahri, pembeli rumah yang teraniaya boleh membawa kes ke mahkamah tetapi tribunal boleh menjadi alternatif yang bagus kerana ia mudah, murah dan cepat sejajar dengan akta. Seperkara lagi, katanya, khidmat peguam tidak dibenarkan dalam perbicaraan TTPR kecuali dalam dua keadaan iaitu isu undang-undang yang rumit dan ada pihak akan mengalami keadaan kewangan yang teruk. Selaku individu yang mengetahui TTPR, Shamsulbahri mempunyai impian mewujudkan satu sayap yang akan menguatkuasakan perintah tribunal.

Ini kerana, katanya, sejak Januari 2003, TTPR merekodkan sebanyak 4,431 kes ingkar perintah dan kesemuanya telah diserahkan kepada penguatkuasa Jabatan Perumahan Negara KPKT. "Sejauh manakah ia selesai, kami tidak tahu kerana ia jabatan yang lain," katanya.



27 JULY 2012

"Break The Fast With Housing Minister"



KUALA LUMPUR

Chor: Guidelines on planning of car parks almost ready

THE Housing and Local Government Ministry is in the final stages of preparing guidelines on planning construction of car parks towards ensuring business premises including shopping malls provide a more comprehensive security system, the Dewan Negara was told yesterday.

Its minister Datuk Chor Chee Heung said the changes would encompass adequate lighting, CCTV systems, licensed guards and watch-

men, facilities for the disabled, regular maintenance and fire prevention.

Chor said once the changes were approved, local authorities which did not enforce the rulings would face penalties.

He also said business premises needed to install security systems which included infra-red motion detectors, sirens, entry/exit control, CCTV system with storage capability and movement activated video cameras. — Bernama

KEJIRANAN INDAH

TAMAN SETIA JAYA PERINTIS PROGRAM KEJIRANAN INDAH

Pada 28 Julai 2012, YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan merasmikan permulaan projek *National Blue Ocean Strategy 7 (NBOS7) My Beautiful Neighbourhood* di mana KPKT serta Kementerian Dalam Negeri (KDN) diberi tanggungjawab untuk melaksanakan NBOS 7: *My Beautiful Neighbourhood* atau Kejiranan Indah dan telah mengatur empat (4) program iaitu:

- Program menambah baik atau membaiki pulih kawasan perumahan yang dimiliki oleh penduduk berpendapatan rendah;
- Program pembinaan semula buah rumah terbakar;
- Program peningkatan rondaan keselamatan (*security patrolling*) di stesen LRT dan pusat membeli belah bagi menangani jenayah; dan
- Program kebersihan, pengindahan dan penyelenggaraan kemudahan awam.

Projek perintis program NBOS 7: *My Beautiful Neighbourhood* di Taman Setia Jaya, Jalan Langgar, Alor Setar, akan dinaik taraf dan dibaik pulih menjadi kawasan perumahan yang selamat, bersih dan ceria untuk didiami melibatkan kerjasama semua jabatan di bawah KPKT, KDN, Kementerian Belia dan Sukan, Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pejabat Pembangunan Negeri Kedah (ICU) sebagai agensi pelaksana.

Taman Setia Jaya terdiri daripada 10 blok yang menampung 800 unit rumah dengan anggaran 4000 orang penghuni. Kerja-kerja menaiktaraf dan pemulihan adalah seperti berikut:

i. Membaiki prasarana dan kemudahan awam

- Naik taraf dan pemasangan lampu jalan
- Penyelenggaraan bangunan, mengecat, membaiki bumbung, tangki air dan pili bomba (hydrant)
- Mengecat semula bahu jalan dan tempat letak kereta
- Membaiki dan membersihkan sistem perparitan Pembersihan dan meningkatkan kekerapan kutipan sampah
- Naik taraf lanskap dan taman permainan kanak-kanak



ii. Keselamatan dan pencegahan jenayah

- *Omnipresence*, 4 man patrolling oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) dan PBT
- Pemasangan papan tanda PDRM dan tempat letak motosikal berkunci di bawah Program Bandar Selamat
- Penubuhan Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela (SRS) oleh Penduduk Taman Setia Jaya

iii. Penglibatan sosial

- Penglibatan belia Taman Setia Jaya dalam program 1M4U (*1Malaysia for Youth*).
- Kempen Keselamatan dan Kesedaran Kebersihan Program gerak gempur pembersihan kawasan bersama penduduk Taman Setia Jaya.

Selain daripada Taman Setia Jaya, projek NBOS 7 juga akan diperluaskan di lima (5) kawasan lain dan kesemua projek ini dijangka siap pada Oktober 2012.



ADUAN RAKYAT

ADUAN RUMAH ROSAK, SIJIL CCC PALSU

Nasib kami seramai 138 penduduk Taman Puncak Saujana (Fasa Simfoni), Kajang masih menjadi tanda tanya apabila permasalahan ke atas pelbagai kerosakan bangunan rumah yang dialami masih tiada penyelesaian konkrit daripada pihak berkaitan.

Lebih malang lagi kami mendapati wujud pemalsuan dokumen Sijil Perakuan Siap dan Pemuatan (CCC), oleh beberapa pihak yang didakwa termasuklah pemaju (TPPT Sdn Bhd) dan Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ).

Permasalahan yang wujud diutarakan, malah aduan turut dibuat kepada pelbagai agensi berkuasa termasuklah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) namun sehingga kini tiada sebarang siasatan mahupun tindakan



MAKLUM BALAS ADUAN RUMAH ROSAK, SIJIL CCC PALSU

Pemilik Rumah Taman Saujana Fasa Simfoni Kajang menarik nafas lega selepas aduan berkaitan kerosakan rumah sejak tahun 2010 diselesaikan dalam satu perjumpaan di antara pemaju dan juga Majlis Perbandaran Kajang diadakan di ibu pejabat Kementerian.

Menurut Mohd Izwan Zakaria, wakil penduduk, pihaknya amat berpuas hati dengan tindakan yang diambil oleh Kementerian dalam menyelesaikan masalah yang telah dialami sejak dua (2) tahun yang lepas.





6 KERTAS KERJA DIBENTANG DI MESYUARAT MAJLIS PERANCANG FIZIKAL NEGARA KE-16

Pada 27 Julai 2012, telah berlangsung Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara Ke-16 bertempat di Bilik Mesyuarat Perdana, Seri Perdana yang dipengerusikan oleh YAB. Dato' Sri Mohd. Najib Bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia.

Tiga (3) kertas untuk mendapatkan persetujuan, satu (1) kertas untuk mendapatkan nasihat dan dua (2) kertas makluman telah dibentangkan iaitu:

Kertas 1	Rangka Kerja Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat Negara
Kertas 2	Penubuhan Jawatankuasa Perancang Wilayah Bagi Kawasan Bersempadanan Antara Negeri Sembilan, Melaka dan Johor
Kertas 3	Kertas 3: Garis Panduan Perancangan Laluan Kemudahan Utiliti
Kertas 4	Cadangan Konsep Pembangunan Tebus Guna Pantai Dan Pembangunan Persisiran Pantai, Seluas 81.34 Hektar (201 Ekar), Mukim Kuala Perlis, Daerah Kangar, Perlis – Nasihat Di Bawah Perenggan 2A(2)(b) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)
Kertas 5	Cadangan Hab Pendidikan Tinggi Malaysia Di Atas Lot 202, Lot 251, Lot 287, Lot 545, Lot 2495, Lot 5061-5062, Lot 5065-5067, Lot 5384, Lot 5468, Lot 5772, Sebahagian Lot 252, Lot PTD 9877, Lot PTD 10105, Lot PTD 10217, Lot PTD 10234 Dan MLO 4796, Mukim Jorak, Daerah Muar, Johor
Kertas 6	Manual Penilaian Impak Sosial (Social Impact Assessment) Bagi Permohonan Kebenaran Merancang

DIARI PARLIMEN

DIARI PARLIMEN

Berkuat kuasa 1 September ini, tiga (3) buah syarikat konsesi sisa pepejal; Alam Flora Sdn Bhd, Solid Waste Management Sdn Bhd dan E-Idaman akan dipantau mengikut Petunjuk Prestasi Utama (KPI) menurut YB Dato' Seri Chor Chee Heung dalam menjawab soalan Senator Datuk Boon Som Inong di Dewan Negara.

Menurutnya lagi syarikat konsesi terbabit perlu memenuhi KPI yang ditetapkan di semua majlis perbandaran dan dewan bandar raya di negeri yang melaksanakan akta pengurusan sisa pepejal, tindakan yang tegas akan dikenakan sekiranya prestasi atau kualiti perkhidmatan tidak memuaskan.

“Syarikat Konsesi Sisa Pepejal Dipantau menggunakan KPI”
- YB Dato' Seri Chor Chee Heung

YB Dato' Seri Chor Chee Heung dalam menjawab soalan Senator Datuk Mustafa Kamal Mohd. Yusof menggesa para pembeli projek perumahan terbengkalai menggunakan surat pengesahan projek terbengkalai bagi meringankan beban pinjaman daripada institusi pembiayaan.

“Guna Surat Kementerian”
- YB Dato' Seri Chor Chee Heung

Menurut Dato' Seri Chor, melalui surat pengesahan ini pihak pembeli boleh memohon pertimbangan daripada institusi perbankan bagi sebarang permohonan pengurangan kadar faedah dan penstrukturan semula pinjaman perumahan. Menurut beliau lagi sekiranya pihak pembiaya tidak memberikan kerjasama yang sepatutnya, pembeli rumah boleh membuat aduan kepada kementerian dan aduan tersebut akan dipanjangkan ke Bank Negara untuk tindakan selanjutnya.

Kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak bercadang untuk mewujudkan undang-undang khusus bagi mengawal harga rumah di Negara ini sebaliknya harga rumah akan ditentukan oleh faktor pasaran.

Bercakap semasa sidang Parlimen dalam menjawab soalan Senator V. Subramanian, YB Datuk Lajim menegaskan beberapa langkah yang lain telah di ambil oleh Kementerian bagi membendung harga hartanah di seluruh Negara. Biarpun tiada undang-undang khusus disediakan bagi mengawal harga rumah, kerajaan telah menetapkan harga siling bagi rumah kos rendah di paras RM42,000.

“Tiada cadangan khusus untuk wujudkan undang-undang mengawal harga rumah”
- YB Datuk Seri Lajim Haji Ukin

“Tougher sentences on errant developers”
- YB Dato' Seri Chor Chee Heung

Amendments to two more Acts, which will would be enable the government to enforce a-long awaited law to criminalize errant housing developers are expected to be tabled in Parliament in September; Dato Seri Chor Chee Heung in response to a question by Datuk Mustafa Kamal Mohd Yusof on the state of abandoned housing projects.

Under the amendments, a housing developer, if found guilty of abandoning projects, could be sentenced to three years jail or fined between RM250,000 and RM300,000.

16 tapak pelupusan sampah yang membabitkan peruntukan sebanyak RM483 telah selamat ditutup. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Datuk Seri Haji Lajim Haji Ukin dalam menjawab soalan yang dikemukakan Adun Simpang Renggang Liang Teck Meng.

“16 Pusat Pelupusan Sampah ditutup”
- YB Datuk Seri Lajim Haji Ukin

PAHANG: DEWAN ORANG RAMAI TERSEDIA, GERAN TAHUNAN RM18.24 JUTA DAN SMK RM5.57 JUTA UNTUK 11 PBT



Majlis Perasmian Dewan Orang Ramai Taman Tualang Indah, Mentakab telah berlangsung pada 28 Mei 2012 yang disempurnakan oleh YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Chor Chee Heung. Majlis ini turut dihadiri Y Bhg Datuk Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Dato' Halimi Abdul Manaf, Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan dan Tuan Haji Abu bakar Johar, Setiausaha Bahagian Pembangunan, KPKT berserta para jemputan di peringkat Pahang.

Kos pembinaan dewan orang ramai ini adalah berjumlah RM 930,315.00 dengan kos pembinaan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan melalui Peruntukan BP1 Projek Kecil Di Kawasan PBT Jabatan Kerajaan Tempatan. Dewan Orang Ramai yang berkeluasan 480 meter persegi ini telah berjaya disiapkan sepenuhnya pada 1 April 2011. Dewan tersebut menempatkan dua (2) gelanggang badminton serta boleh memuatkan sekitar 400 orang pengguna pada satu-satu masa. Pembinaan Dewan Serbaguna seperti ini membolehkan masyarakat Taman Tualang Indah dan sekitarnya menjalankan aktiviti sukan indoor dan pelbagai aktiviti kemasyarakatan di sini.



Dalam majlis yang sama, YB Menteri juga telah menyampaikan Geran Tahunan berjumlah RM18.24 juta dan Sumbangan Membantu Kadar (SMK) bernilai RM5.57 juta kepada 11 PBT Negeri Pahang. PBT yang terlibat ialah Kuantan, Temerloh, Bentong, Bera, Cameron Highlands, Jerantut, Lipis, Maran, Pekan, Raub dan Rompin.

Bagi tahun 2012, peruntukan BP1 berjumlah RM21.1 juta diperuntukkan kepada PBT negeri Pahang bagi membiayai 93 buah projek. Kesemua peruntukan ini disumbangkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi membantu PBT meningkatkan taraf kehidupan melalui pembangunan projek-projek infrastruktur, projekprojek sosio-ekonomi dan kemudahan awam.



KEDAH: PASAR DINAIKTARAF, 11 PBT TERIMA GERAN TAHUNAN DAN SMK, SEKOLAH DAPAT SUMBANGAN

YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengadakan lawatan turun padang ke Pasar Awam (Pasar Kobo), Jalan Sultan Abdul Halim pada 21 April 2012. Pasar awam ini dalam perancangan untuk dibesarkan kepada dua (2) tingkat. Di majlis tersebut, YB Menteri diberi penerangan mengenai cadangan membina dan menyiapkan kompleks Pasar Awam Alor Setar di Jalan Sultan Abdul Halim yang dianggarkan bernilai RM7,500,00.00. Kos pembinaan pasar awam yang akan menempatkan 96 unit ruang niaga, enam (6) unit gerai runcit, 40 unit gerai makan, tandas, pejabat dan surau ini adalah dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan.

Sempena lawatan turun padang tersebut, sebuah Majlis Penyerahan Geran Tahunan serta Sumbangan Membantu Kadar (SMK) kepada 11 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Kedah turut diadakan. Jumlah keseluruhan Geran Tahunan bagi PBT Negeri Kedah ini adalah RM29,928, 251.00 manakala Sumbangan Membantu Kadar adalah RM4,919,344.00.

Sekolah-Sekolah Lestari Peringkat Parlimen Kota Setar juga mendapat sumbangan bagi Program *Flagship* Sekolah Lestari - Rakan Alam Sekitar dari YB Menteri.



JOHOR: PASAR RM4.4 JUTA SIAP DIBINA, GERAN TAHUN DAN SMK UNTUK 16 PBT

Majlis Perasmian Pasar Awam Bandar Segamat telah berlangsung pada 16 April 2012 (Isnin) di ruang *roof top*, pasar terbabit. Majlis perasmian disempurnakan oleh YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Chor Chee Heung. Majlis ini turut dihadiri YBhg. Datuk Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha KPKT dan YBhg. Dato' Halimi Abdul Manaf, Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan berserta para jemputan di peringkat Negeri Johor Darul Takzim.

Kos pembinaan pasar awam ini adalah berjumlah RM 4,429,910.00 dengan pendekatan *cost sharing* di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Johor. Sebanyak RM 4 juta telah ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan melalui Peruntukan BP1 Projek Kecil Di Kawasan PBT Jabatan Kerajaan Tempatan manakala kos selebihnya ditampung oleh Majlis Daerah Segamat dan kerajaan negeri. Pembinaan Pasar Awam Segamat ini dapat mengatasi masalah yang dihadapi oleh peniaga dan pengguna dengan terbinanya sebuah pasar awam yang berkeluasan 3560 meter persegi, mengandungi 176 bangku perniagaan dan 50 lot tempat meletak kereta. Pasar Awam Bandar Segamat ini mula dibina pada 13 Ogos 2009 dan telah siap sepenuhnya pada 22 Jun 2011.



Di majlis yang sama juga, diadakan penyerahan Geran Tahunan berjumlah RM33,376,252.00 dan Sumbangan Membantu Kadar bernilai RM12,757,437.00 kepada PBT Negeri Johor. Peruntukan Geran Tahunan dan Sumbangan Membantu Kadar ini disampaikan oleh YB Menteri kepada Yang Dipertua atau Datuk Bandar dari 16 buah Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor.





Penubuhan Kampung Baru yang merupakan sebahagian daripada "Briggs Plan" pada awal tahun 1950an semasa era darurat telah menyaksikan satu pembangunan yang pesat dewasa ini.

Kemajuan pembangunan yang telah dilaksanakan di bawah peruntukan Kerajaan Persekutuan melalui penubuhan Bahagian Kampung Baru, Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada tahun 2004 telah menyaksikan pelbagai pembangunan infrastruktur-infrastruktur asas seperti jalan awam, longkang, gelanggang permainan, dan kemudahan awam bagi kesejahteraan penduduk.

Sebanyak RM54.81juta telah diperuntukkan pada tahun ini untuk pembangunan infrastruktur bagi meningkatkan kemudahan sosial dan rekreasi yang sedia ada. Dengan populasi lebih daripada 1.2 juta penduduk menginap di lebih kurang 607 Kampung Baru yang terdiri daripada 405 buah Kampung Baru Tradisional, 113 Kampung Baru Rangkaian dan 44 Kampung Bagan di seluruh negara, perubahan dan kemajuan pembangunan yang telah dilaksanakan dirasakan oleh anak-anak watan penduduk Kampung ini.

Inisiatif *You Channel Network* dan Jabatan Penyiaran Negara dalam menghasilkan Dokudrama "My Hometown" yang telah mula disiarkan pada awal Mei 2012 merupakan satu usaha murni untuk anak-anak muda mengenali asal usul dan melihat kemajuan perkampungan mereka. Dokudrama "My Hometown" yang disiarkan di Saluran 2 RTM, ini menyelitikan banyak mesej dan peringatan sepanjang 13 episod ini. Gandingan dua pengacara muda Julio Ng dan Shin Li bersama-sama dengan artis undangan yang merupakan anak watan dari kampung-kampung baru mengupas kembali kenangan-kenangan manis termasuk cita rasa makanan tempatan, kawasan rekreasi dan peninggalan sejarah, dan cerita tempatan. Ciri-ciri unik di kampung-kampung baru ini dilihat berpotensi untuk menjadi daya tarikan pelancongan. Usaha yang dilakukan *You Channel Network Sdn. Bhd.* akan dapat mengintegrasikan lagi pembangunan Kampung Baru.

RM49M FOR 330 SABAH GOVERNMENT PROJECTS

The Minister of Housing and Local Government has allocated RM48.9 million to implement 330 projects for all local authorities in Sabah this year to resolve basic infrastructure issues.

Deputy Minister of Housing and Local Government, Datuk Seri Lajim Ukin said the allocation, made through the Local Government Department, was to enable local councils to resolve problems pertaining to roads and drains in their respective area.

Speaking at the "Majlis Penyampain Geran dan Sumbangan Membantu Kadar bagi PBT Sabah" Lajim expressed his concerns and hope that Local Councils would be able to implement and complete the projects as soon as possible to enable them to apply for more grants from the Ministry through the local government department.

BERITA TEMPATAN



USAHA TINGKAT PENGGUNAAN BAHASA KEBANGSAAN PENDUDUK KAMPUNG BARU



Program Penggalakan Penggunaan Bahasa Kebangsaan Di Kampung Baru Kundang, Selangor merupakan siri kedua pada tahun ini dan telah diadakan pada 25 Mei 2012 (Jumaat) di Dewan SJK(C) Kundang. Persmian program ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Majlis ini diserikan lagi dengan kehadiran pegawai kanan KPKT, Jabatan Kerajaan Tempatan, Dewan Bahasa dan Pustaka, SRJK (C) Kundang dan penduduk kampung.

Program ini dicetuskan ekoran dari lawatan kerja YAB Timbalan Perdana Menteri ke Kampung Baru Suria Mentakab pada 2011 mendapati penduduk Kampung Baru Suria memerlukan penterjemah untuk berhubung dengan YAB TPM. Dengan adanya program ini adalah diharapkan penduduk kampung baru dapat meningkatkan penggunaan bahasa kebangsaan untuk berinteraksi dengan sesama mereka dan masyarakat luar. Ini adalah selaras dengan pelaksanaan Bulan Bahasa Kebangsaan yang telah dilancarkan pada 2009 yang dahulunya dikenali sebagai Bulan Bahasa dan Sastera Negara (BBSN).

Program di kampung-kampung baru ini telah dimulakan sejak 2011 lagi atas inisiatif Bahagian Kampung Baru, Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT). Bahagian ini bekerjasama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) bagi menganjurkannya di Kampung Baru terpilih di Kedah, Pahang, Perak, Johor, Selangor dan Negeri Sembilan. Berikut adalah senarai Kampung Baru telah menjayakan program ini:

Kampung Baru Sungai Penjuring, Bentong, Pahang pada 21 Oktober 2011

Kampung Baru Sri Medan, Batu Pahat, Johor pada 30 Oktober 2011

Kampung Baru Pokok Assam, Taiping, Perak pada 29 Oktober 2011

Kampung Baru Padang Serai, Kulim, Kedah pada 27 April 2012

PERUMAHAN



TAMAN SERI DERGA FASA III PULIH

Pada 6 Julai 2012, YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah melancarkan projek pemulihan 28 unit rumah berkembar satu yang terbengkalai di Taman Seri Derga Fasa III. Projek pemulihan ini dimulakan setelah Mahkamah memutuskan pengulungan syarikat pemaju asal pada 18 Jun 2012. Hall Chadwick Corporate Advisory Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai pelikuidasi. Pihak pelikuidasi pula melantik Unijaya Sdn. Bhd. sebagai kontraktor penyelamat.

Projek ini pada mulanya dimajukan oleh Everise Acres Holdings Sdn. Bhd. di atas tanah lot 463 (P.T.4969-P.T.5012) / HSM 11422 – HSM 11465 seluas 2.14 ekar di Alor Setar, Kedah milik tiga (3) tuan tanah. Kerja pembinaan telah bermula pada tahun 2007 dan sepatutnya siap pada tahun 2009. Walaupun demikian, tahap kemajuan projek adalah lembap dan telah terhenti pada tahun 2009. Status kemajuan kerja di tapak pemulihan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966] tetapi bayaran kemajuan yang telah dibayar mencapai 80%.

Status kemajuan kerja di tapak pemulihan mendapati 28 unit RBST telah mencapai kemajuan sebanyak 60% [berdasarkan Jadual Ketiga (Fasa 4) Jadual Pembayaran Harga Beli, Akta Pemajuan

Lapan (8) unit RBST dan lapan (8) unit RBDT belum dibangunkan sama sekali. Jabatan Perumahan Negara telah dimaklumkan bahawa sebanyak satu (1) unit telah dijual dan pembeli berkaitan telah membuat bayaran deposit sebanyak RM1000. Semakan juga mendapati bahawa tapak projek tidak diletakkan kawalan keselamatan menyebabkan kehilangan pelbagai barangan di unit-unit rumah yang telah dibangunkan seperti wayar-wayar elektrik, kerangka pintu dan tingkap serta tiles.

APARTMENT LI GARDEN DIPULIHKAN, PEMBELI TIDAK PERLU BAYAR KOS TAMBAHAN



Lawatan tapak ke projek perumahan swasta terbengkalai Apartment Li Garden oleh YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah diadakan pada 14 Mei 2012. Projek ini telah 85% siap oleh pelikuidasi Encik Subramaniam a/l A.V. Sankar dari Hals & Associates Sdn. Bhd. Pemulihan ini melibatkan Fasa 1 yang terdiri daripada tiga (3) blok rumah pangsa kos rendah setinggi 16 tingkat setiap satu (1) dan 12 unit lot kedai di atas tanah seluas 2.11 ekar di Kepong, Kuala Lumpur.

Projek ini dipulihkan tanpa sebarang kos tambahan daripada para pembeli walaupun harga pasaran bagi pemajuan seumpama ini telah naik. Harga seunit rumah pangsa Fasa 1 ini adalah RM42,000.00. Manakala Fasa 2 pula, pemulangan deposit telah diberikan kepada lapan (8) orang pembeli di mana setiap orang mendapat RM16,000 (10% dari harga rumah). Deposit ini dipulangkan kerana projek Fasa 2 tidak diteruskan disebabkan jualan yang kurang memuaskan.

Status terkini kerja pemulihan yang telah dijalankan meliputi pembersihan tapak, memasang pagar bagi tujuan keselamatan, kerja struktur (membuka tingkap dan pintu sedia ada), kerja baikpulih paip dan pendawaian elektrik serta kerja mengecat dan baikpulih handrail tangga. Walaupun, kerja pemulihan telah dimulakan oleh pihak pelikuidasi pada tahun 2009 namun projek tersebut telah mengalami kelewatan kerana semasa berurusan dengan pihak tuan tanah salah seorang daripada tuan tanah telah meninggal dunia. Ini telah menyebabkan penangguhan dalam urusan pemulihan projek.

Projek ini asalnya dimajukan oleh Syarikat Gallant Acres Sdn. Bhd. dengan usahasama Kepong Development Sdn. Bhd. selaku tuan tanah. Pemajuan projek ini telah bermula pada tahun 2002 dan sepatutnya disiapkan pada tahun 2005. Projek ini telah terhenti pada tahun 2004 kerana pihak pemaju menghadapi masalah kewangan dan aliran tunai. Susulan daripada penggulangan syarikat Gallant Acres Sdn. Bhd pada 5 Mac 2008, Mahkamah telah melantik En. Subramaniam daripada tetuan Hals & Associates Sdn. Bhd. pada 7 April 2009 sebagai pelikuidasi projek bagi mengurus dan mentadbirkan hal ehwal syarikat tersebut.

PEMBELI RUMAH TAMAN RAYA INDAH TERIMA KUNCI



Majlis penyerahan kunci kepada pembeli rumah Taman Raya Indah, Kulim, Kedah telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Chor Chee Heung pada 5 Julai 2012. Projek ini telah dimulakan kerja pemulihannya pada 17 Ogos 2011 yang telah 95% siap. Peratusan siap ini adalah menepati sasaran pemulihan projek dalam masa setahun dari tarikh dimulakan kerja pemulihan. Kerajaan menyumbangkan RM7.8 juta bagi memulihkan rumah yang mempunyai pembeli iaitu 48 unit sahaja. Pembayaran ini akan dilaksanakan setelah projek siap dengan CFO. Majlis Perbandaran Kulim dijangka memberikan CFO dalam tempoh dua (2) minggu.

Projek Taman Raya Indah dimajukan oleh syarikat Cosmopolitan Sdn. Bhd. di atas tanah lot 488-489 seluas 30.38 ekar milik syarikat tersebut. Kerja pembinaan telah bermula pada tahun 2000 dan sepatutnya siap pada tahun 2002. Tahap kemajuan projek adalah lembap dan telah terhenti pada tahun 2010 kerana pihak pemaju telah menghadapi masalah kewangan dan aliran tunai. Jualan yang kurang memuaskan bagi unit Rumah Teres Dua Tingkat dan Rumah Kedai turut menyumbang kepada faktor projek ini terhenti. Susulan daripada penggulangan syarikat Cosmopolitan Sdn. Bhd pada 27 Oktober 2010, Mahkamah telah melantik Hall Chadwick Corporate Advisory Sdn. Bhd. sebagai pelikuidasi projek bagi mengurus dan mentadbir hal ehwal syarikat tersebut. Getinas Sendirian Sdn. Bhd pula adalah kontraktor penyelamat.

PROGRAM PENYENGKARAAN PERUMAHAN

KPKT mula melaksanakan Program Penyenggaraan Perumahan (PPP) di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) bagi menyenggara dan membaiki pulih perumahan berstrata kos rendah awam di seluruh negara dengan peruntukkan RM40 juta setahun. Kini pihak pengurusan atau jawatankuasa perumahan awam kos rendah di seluruh negara boleh memohon peruntukan kepada Bahagian Penyelarasan Pesuruhjaya Bangunan (COB), Jabatan Perumahan Negara melalui geran sepadan 90/10 untuk membaiki pulih dan penyelenggaraan perumahan berstrata kos rendah awam.

Pelaksanaan PPP di bawah KPKT dan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP-1Malaysia) di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) adalah selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 20 April 2012 yang mana bersetuju adanya penyelarasan PPP dan TP-1Malaysia seperti berikut:

Liputan Kawasan Operasi dan Kumpulan Sasaran	Kadar Geran Sepadan	Kadar Geran Sepadan
KPKT melaksanakan PPP bagi perumahan berstrata kos rendah awam di seluruh negara manakala KWPKB melaksanakan TP-1Malaysia bagi perumahan berstrata kos rendah swasta dan kos sederhana rendah swasta di seluruh negara.	Kadar geran sepadan PPP dan TP-1Malaysia diseragamkan kepada 90:10 (90% Kerajaan, 10% pihak pengurusan) bagi perumahan berstrata kos rendah awam dan swasta. Manakala kadar geran sepadan perumahan berstrata kos sederhana rendah swasta adalah 70:30 (70% Kerajaan, 30% pihak pengurusan).	Skop penyenggaraan PPP dan TP-1Malaysia diseragamkan kepada membaiki / menukar lif, membaiki/menukar bumbung, membaiki tangki air dan sistem retikulasi, penyenggaraan paip sanitari, penyenggaraan tangga/handrail, pendawaian semula, mengecat dan membaiki kerosakan am yang melibatkan harta bersama (common property).

Pelaksanaan PPP KPKT bagi tahun 2012 sehingga 28 Mei 2012 adalah 58 projek dengan anggaran kos berjumlah RM39 juta. Pelaksanaan projek-projek 2012 adalah berdasarkan konsep geran sepadan 90:10 (90% oleh pihak Kerajaan dan 10% oleh pihak pengurusan).

Kejayaan Program



PERUMAHAN



SKIM PINJAMAN PERUMAHAN DITAMBAH BAIK

Skim Pinjaman Perumahan Untuk Golongan Berpendapatan Rendah (SPP) merupakan Kumpulan Wang Amanah yang beroperasi sejak 1976 lagi yang berkonsepkan tabung pusingan disasarkan kepada golongan berpendapatan rendah yang berpendapatan isi rumah RM750 hingga RM2,500 dan ia merupakan satu bentuk kemudahan pembiayaan untuk membina rumah di atas tanah sendiri atau milik orang lain dengan izin tuan tanah tersebut. SPP telah ditambah baik dengan kenaikan had pinjaman dari RM20,000 ke RM45,000.

Bermula pada 2012, beberapa penambahbaikan SPP ini telah dibuat di antaranya ;

- Tempoh maksimum bayaran balik juga telah dipanjangkan daripada 20 tahun kepada 30 tahun atau sehingga umur 60 tahun pada mana yang terdahulu
- Golongan sasarannya adalah bukan kakitangan kerajaan yang berpendapatan isi rumah RM750 hingga RM2,500.
- Syarat umur semasa permohonan adalah di antara 21 hingga 60 tahun. Bagi yang berumur 45 tahun dan ke atas, pakej pinjaman 2 generasi disediakan sebagai pilihan bagi mendapatkan tempoh pinjaman sehingga 30 tahun
- Caj perkhidmatan yang dikenakan ke atas pinjaman amat rendah iaitu hanya sebanyak 2% ke atas nilai pinjaman
- Perlu mempunyai tanah sebagai cagaran kepada peminjam
- Pinjaman ini hanya untuk tujuan membina rumah sahaja

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

**Bahagian Pemantauan Perumahan Swasta,
Jabatan Perumahan Negara
Aras 33, No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4,
62100 Putrajaya
No. Tel: 03 – 8891 4276 / 4288
No. Faks: 03-8891 4088**

JADIKAN INOVASI SATU BUDAYA

Oleh: Rohani Ibrahim

Terbitan Utusan Malaysia, 11 Januari 2011

INOVASI adalah perubahan cara berfikir untuk mendapatkan hasil atau produktiviti yang lebih baik dari semasa ke semasa. Ia bukan hanya berkaitan sains dan teknologi semata-mata.

Inovasi juga bukan hanya untuk golongan profesional tetapi perlu difahami oleh masyarakat dari pelbagai taraf sosial tidak kira di bandar atau pedalaman. Seorang petani boleh melakukan inovasi dengan mengubah pisau atau peralatan yang digunakan di ladang supaya mampu menghasilkan lebih banyak produktiviti. Seorang nelayan yang mengubah suai jala untuk menangkap lebih banyak ikan juga melakukan inovasi. Kedua-dua contoh ini adalah inovasi akar umbi.

Kuih yang dijual di kampung dan dibungkus dengan menarik mungkin boleh dijual pada harga yang lebih tinggi. Bungkus baru yang lebih menarik adalah satu inovasi. Nasi lemak yang dijual di kafe gedung membeli-belah lebih mahal berbanding nasi lemak yang disediakan menggunakan ramuan yang sama dan dijual di warung-warung di kampung. Di kafe, pelanggan perlu membayar harga inovasi seperti lauk tambahan dan suasana yang lebih selesa.

Ketua Pegawai Eksekutif Unit Inovasi Khas Pejabat Perdana Menteri, Datuk Dr. Kamal Jit Singh berkata, masyarakat Malaysia bagaimanapun tidak mengiktiraf perubahan dan pembaharuan sebagai inovasi.

Ini menyebabkan negara berhadapan dengan krisis inovasi sekarang. Jadi, kesedaran mengenai kepentingan inovasi perlu ditingkatkan dalam kalangan masyarakat seiring dengan kemajuan negara dan perubahan global, jelasnya ketika ditemui di pejabatnya di bangunan Pejabat Perdana Menteri, Perdana Putra, Putrajaya baru-baru ini.

Laporan Model Baru Ekonomi (MBE) mengatakan inovasi semakin merosot di Malaysia di antara 2002 dan 2007. Bank Dunia pula meramalkan keadaan berkenaan berisiko menyebabkan Malaysia berdepan dengan masalah ekonomi yang serius pada masa akan datang jika perubahan tidak dilaksanakan.

Menyedari hakikat tersebut, Pejabat Perdana Menteri mewujudkan Unit Inovasi Khas atau ringkasnya UNIK pada Ogos 2010 dengan 15 pegawai. Sementara Rang Undang-Undang Agensi Inovasi Malaysia diluluskan Dewan Negara pada bulan lalu dan mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin pada awal minggu ini.

Akta berkenaan membolehkan sebuah badan berkanun, Agensi Inovasi Malaysia (AIM) ditubuhkan. UNIK memainkan peranan membantu penubuhan AIM. Pada masa ini, Dasar Inovasi Negara sedang dirangka sebelum ia dibentangkan kepada Kabinet pada bulan depan bagi membolehkan AIM dilancarkan.

Jelas Kamal Jit, akta yang diluluskan baru-baru ini digubal berdasarkan Akta Inovasi Amerika Syarikat (AS), United Kingdom (UK), Australia, India dan Singapura.

UNIK mengkaji akta lebih dari 10 buah negara dan mengambil contoh yang terbaik dari semua negara sebelum menggubal Akta AIM. AIM yang bakal dilancarkan dijangka memiliki tidak lebih 40 orang pegawai dari wakil agensi swasta, kerajaan dan ahli akademik.

Akta AIM berkenaan digubal hanya untuk tempoh 10 tahun iaitu dari 2010 hingga 2020. Ini kerana tujuan utama ia dirangka adalah bagi menyelesaikan krisis inovasi yang dihadapi Malaysia sekarang.

Selepas 2020, Malaysia perlu memberikan fokus kepada peringkat seterusnya kerana inovasi bukan lagi satu benda baru bagi Malaysia ketika itu, katanya. Tambah Kamal Jit, AIM mempunyai dua objektif utama dan yang pertama adalah menggunakan hak harta intelek untuk menjana pendapatan baru negara.

Banyak penyelidikan yang dilakukan oleh para profesor tersekat di universiti sekarang kerana para profesor berkenaan adalah ahli akademik dan bukannya orang bisnes. Jadi, agak sukar untuk mereka mewujudkan bisnes hasil daripada penyelidikan yang dilakukan.

Banyak teknologi yang ada potensi global tetapi terkandas di universiti. Justeru, matlamat AIM adalah untuk mencari teknologi dan fikirkan bagaimana untuk mengkomersialkan semua itu bagi meningkatkan pendapatan negara, katanya sambil menambah kesemua teknologi yang dihasilkan dalam negara perlu dipaten.

Langkah mendaftar atau paten sesebuah harta intelek adalah penting kerana nilai harta intelek sangat tinggi. Sebagai contoh, apabila pengguna membeli sebuah iPhone, hanya lima peratus daripada harga yang dibayar oleh pengguna adalah kos pengeluaran sementara 95 peratus lagi adalah kos harta intelek. Setakat ini, jelas Kamal Jit, pegawai UNIK sudah mengenal pasti teknologi yang dihasilkan di lima universiti dan dua institut penyelidikan awam.

Objektif kedua AIM adalah membangunkan ekosistem inovasi negara di mana inovasi menjadi budaya dan boleh berkembang. Ekosistem ini mempunyai empat komponen iaitu pendidikan, industri terutamanya industri kecil dan sederhana (IKS), kerajaan dan rakyat. Tambah Kamal Jit, masalah di Malaysia sekarang adalah kesedaran masyarakat Malaysia mengenai harta intelek masih rendah kerana harta intelek tidak dipandang bernilai tinggi seperti hartanah.

Budaya menghargai harta intelek masih belum wujud di Malaysia. Kesedaran harta intelek biasanya akan meningkat dengan kemajuan negara. Dalam rantau ASEAN, negara yang mempunyai kesedaran harta intelek paling tinggi adalah Singapura diikuti Malaysia dan Thailand, katanya.

Jelas beliau, selepas pelancaran AIM, ia akan mengadakan kerjasama dengan banyak negara. Kerjasama dengan India sudah ditandatangani ketika kunjungan Perdana Menteri, Manmohan Singh pada Oktober lalu.

India maju dalam beberapa sektor seperti teknologi maklumat dan perubatan. Mereka mempunyai kepakaran untuk mengekstrak ubat dari pelbagai tumbuhan. Malaysia mempunyai khazanah biodiversiti yang luas dan sekarang Malaysia sedang bekerjasama dengan pakar-pakar India untuk mengekstrak pelbagai ubat dari tumbuhan yang terdapat di negara ini.

Perkara lain yang akan diberikan perhatian oleh AIM adalah kekuatan Malaysia seperti biopertanian, kelapa sawit dan pelancongan. AIM juga akan menggalakkan kolaborasi di antara industri dan institusi akademik, tambah Kamal Jit.

Jelasnya, kesemua harta intelek akan dikumpul dan diurus untuk menjana bisnes negara. Bisnes-bisnes berkenaan akan dijadikan sebuah syarikat senarai awam atau sebuah badan induk yang menjaga kepentingan golongan yang terlibat. Dengan cara itu, negara mampu melahirkan lebih ramai usahawan yang mempunyai nilai tambah pada masa akan datang.

Ditanya mengenai maklum balas pelbagai pihak terhadap pasukan UNIK, Kamal Jit menjelaskan, sejak beroperasi Ogos lalu maklum balas yang diterima dari pelbagai pihak adalah sangat menggalakkan.

Inovasi mesti meningkatkan kualiti hidup, menjana pendapatan serta menjadikan kek ekonomi Malaysia lebih besar dari semasa ke semasa. Saya sedar tanggungjawab membawa pembaharuan dan menjadikan inovasi satu budaya di Malaysia tidak mudah.

Namun pasukan UNIK memberikan kerjasama yang baik. Cabaran yang saya hadapi setakat ini adalah mengubah minda masyarakat untuk menerima pembaharuan demi meningkatkan ekonomi. Orang Malaysia lebih gemar hidup dalam zon selesa tanpa sebarang perubahan. Kita perlu mencontohi budaya di Lembah Silikon, AS di mana jaringan banyak diwujudkan dan masing-masing berkongsi kelebihan dan kekurangan untuk berkolaborasi meningkatkan ekonomi, katanya.



I-SPEAK: SEMBANG-SEMBANG INOVASI

Bahagian Korporat, KPKT melalui pelaksanaan Pelan Tindakan Inovasi KPKT telah menganjurkan program i-Speak : Sembang-sembang Inovasi pada 31 Mei 2012 bertempat di Lobi Dewan Kristal KPKT.

Sesi pertama i-Speak ini telah disampaikan oleh YBhg. Datin Maziah Adnan, Setiausaha Bahagian Inspektorat KPKT yang membicarakan pelbagai topik menarik berkaitan inovasi. Sesi sembang-sembang inovasi tersebut telah berjaya menarik minat seramai 47 warga KPKT.

"Creative thinking is not a talent, it is a skill that can be learnt. It empowers people by adding strength to their natural abilities which improves teamwork, productivity and where appropriate profits." - Edward de Bono

LAWATAN KERJA DAN "PUBLIC ENGAGEMENT" YB MENTERI KE TAMAN PERSEKUTUAN BUKIT KIARA

Program *public engagement* telah diadakan pada 31 Julai 2012 bertempat di Bangunan BAKTI Siti Hasmah, Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur. Manakala bagi lawatan kerja ialah di sekitar kawasan Taman Persekutuan-TABB Bukit Kiara khususnya yang melibatkan lokasi-lokasi aduan oleh penduduk. Tujuan program ini diadakan ialah untuk memberi peluang kepada wakil NGO iaitu *Friends of Bukit Kiara* (FoBK) menyampaikan semua aduan ke atas kerja-kerja pembinaan infrastruktur yang sedang dijalankan di TABB. Di samping itu *public engagement* ini juga berperanan sebagai mekanisme oleh pihak Kementerian dan Jabatan bersama NGO ke arah pelaksanaan pendekatan "*People Centric*" dalam melaksanakan pembangunan kemudahan awam dan rekreasi



LAWATAN



KUNJUNGAN DELEGASI VIETNAM

Pada 16 Mei 2012, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) telah menerima kunjungan daripada Delegasi Negara Vietnam. Tujuan lawatan tersebut adalah bagi mendapatkan penerangan lanjut berkenaan Pengurusan Sisa Pepejal di Malaysia di samping menggunakan kesempatan tersebut untuk bertukar-tukar pandangan dan cara pengurusan sisa pepejal di antara kedua-dua negara ini.

Ketua Pengarah JPSPN, YBhg. Dato' Dr. Nadzri Yahaya telah meluangkan masa meraikan kedatangan delegasi tersebut malah turut memberikan ucapan serta pembentangan slaid mengenai pengurusan sisa pepejal di Malaysia.

LAWATAN PENILAIAN PENARAFAN BINTANG SSR MAMPU 2012

Pihak MAMPU telah mengadakan Lawatan Penilaian Penarafan Bintang Sistem Star Rating (SSR) MAMPU 2012 ke KPKT pada 18 - 21 Jun 2012. Lawatan ini turut disertai oleh panel dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri dan Arkib Negara.



LAWATAN PELAJAR UNIVERSITI DIPONEGORO, INDONESIA

Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) telah menerima kunjungan daripada lapan (8) orang pelajar Universiti Diponegoro, Indonesia bersama seorang pensyarah pada 11 Mei 2012 yang lalu. Lawatan tersebut bertujuan mendapatkan pengetahuan yang jelas mengenai pengurusan sisa pepejal di Malaysia.

Para pelajar jurusan *Master Program of Environmental Science* itu turut dibawa melawat ke Tapak Pelupusan Sanitari Jeram, Selangor. Pihak operator iaitu Worldwide Sdn Bhd telah memberikan taklimat dan delegasi turut dibawa melawat kawasan tapak tersebut.

PERJUMPAAN DENGAN PERSATUAN KESELAMATAN PENGGUNA

Pada 9 Julai 2012 bertempat di Bilik Mesyuarat Gamet, Aras 22, KPKT telah berlangsung perjumpaan antara Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai dengan Persatuan Keselamatan Pengguna (PKP) Kuala Lumpur.

Matlamat perjumpaan tersebut adalah untuk :

- mengeratkan kerjasama dan jalinan perhubungan di antara pihak kerajaan dan NGO
- membolehkan kedua-dua pihak saling bertukar-tukar pandangan dan maklumat berhubung permasalahan dan aduan masyarakat, khususnya yang melibatkan kegiatan pemberi pinjam wang.

HARI HABITAT SEDUNIA

Apakah Sambutan Hari Habitat Sedunia?

Sambutan Hari Habitat Sedunia adalah satu sambutan peringkat global yang dianjurkan oleh semua negara-negara ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi meningkatkan kesedaran akan kepentingan membangunkan petempatan manusia yang selesa. KPKT telah dilantik sebagai *National Focal Point* untuk menyelaraskan semua aktiviti berkaitan *United Nations Human Settlement Programme* atau UN-HABITAT di Malaysia pada tahun 1985.

Bilakah tarikh Sambutan Hari Habitat Sedunia 2012?

Tarikh rasmi Sambutan Hari Habitat Sedunia yang ditetapkan oleh UN-HABITAT jatuh pada hari Isnin pertama bulan Oktober setiap tahun. Pada tahun ini, ianya jatuh pada 1 Oktober 2012. Majlis Perasmian Sambutan Hari Habitat Sedunia akan diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya atau PICC pada 1 Oktober 2012.

Apakah Tema Sambutan Hari Habitat Sedunia 2012?

UN-HABITAT telah memilih tema "*Changing Cities, Building Opportunities*" bagi tahun ini. Tema ini adalah bertepatan dengan pembangunan Negara kita, yang kini menuju ke arah untuk mencapai status Negara maju berpendapatan tinggi selaras dengan Wawasan 2020. Tema ini membawa maksud bahawa kawasan bandar yang sedang mengalami perubahan pesat, perlu mengambil langkah-langkah yang holistik untuk menyediakan kualiti kehidupan rakyat yang lebih baik serta menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan dan memastikan kemudahan awam yang mencukupi ke arah pembangunan negara yang mampan.

Siapakah golongan sasar untuk dalam program Sambutan Hari Habitat Sedunia?

KPKT mensasarkan semua rakyat Malaysia dari semua lapisan masyarakat untuk menghayati objektif Hari Habitat Sedunia. Program ini akan mengingatkan masyarakat tentang kepentingan dan tanggungjawab semua pihak dalam memastikan kehidupan dan petempatan yang lebih sempurna dan selesa. Pelbagai program telah diperkenalkan untuk golongan pelajar, masyarakat umum, penduduk luar bandar, golongan miskin, sektor swasta dan NGO.

Apakah program / aktiviti yang diadakan bersempena sambutan Hari Habitat 2012?

AKTIVITI/PROGRAM	PENGISIAN /OBJEKTIF
Projek House Build	Projek membaiki pulih atau membina (sebahagian) rumah golongan miskin untuk membantu mereka tinggal di rumah yang lebih selesa, selamat dan berkualiti
Pertandingan Analisis Senario Habitat	Aktiviti yang mana para pelajar sekolah menengah dan Institut Pengajian Tinggi Awam diberikan satu situasi atau masalah berkaitan dengan petempatan manusia dan alam sekitar di masa hadapan dan mereka diminta menggunakan pemikiran kritikal untuk mencari jalan penyelesaian yang terbaik.
Program Sedetik Habitat 1Malaysia	- Program melibatkan lebih 100,000 orang pelajar daripada sekolah rendah dan menengah seluruh Malaysia melafaz ikrar 'Aku Janji' secara serentak pada 18 September 2012 jam 8.00 pagi, untuk menjadi lebih bertanggungjawab dalam memelihara kemampanan petempatan manusia dan alam sekitar. - Objektif : meningkatkan kesedaran pelajar terhadap isu-isu semasa petempatan manusia dan perancangan alam sekitar, memandangkan pelajar adalah golongan pelapis pemimpin Negara di masa hadapan.
Program Bank Kitar Semula	Objektif :menerapkan amalan kitar semula khususnya daripada kalangan pelajar-pelajar supaya sentiasa mengamalkan budaya kitar semula dalam kehidupan seharian.
Seminar Hari Habitat Sedunia 2012	- Objektif : memberikan pemahaman kepada masyarakat mengenai isu penempatan manusia serta mengenalpasti kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman dalam penempatan manusia yang dihadapi oleh Malaysia. - Seminar ini akan diadakan pada 1 Oktober 2012 di Putrajaya <i>International Convention Centre</i> (PICC) .
Penerbitan Habitat Magazine	- Majalah yang memuatkan artikel-artikel berkaitan tema sambutan ini merupakan platform hebahan bagi usaha semua pihak yang terlibat dalam memelihara kemampanan pembangunan serta usaha meningkatkan kualiti penempatan manusia di Malaysia. - Majalah ini akan diedarkan ke ibu pejabat UN-HABITAT di Nairobi, Kenya dan kepada semua National Focal Point UN-HABITAT di seluruh ASEAN
Pertandingan Photojournalism	- Tujuan : memupuk kesedaran dan mewujudkan rasa cinta kepada keindahan alam semulajadi. - Setakat ini, Urus Setia telah menerima lapan (8) penyertaan bagi pertandingan tahun ini. Grafik yang dipilih sebagai pemenang pertandingan ini akan digunakan sebagai muka hadapan penerbitan <i>Habitat Magazine</i> 2012.
Larian Jom! Kitar Semula dan Habitat 2012	- Akan diadakan pada 17 November 2012 secara serentak di Sembilan (9) buah negeri (kecuali Pulau Pinang, Perak, Selangor, Sabah dan Sarawak). - Objektif : mengingatkan masyarakat akan kepentingan dan tanggungjawab semua pihak dalam mewujudkan kehidupan dan serta meningkatkan kesedaran masyarakat dalam mengamalkan budaya kitar semula dan penempatan manusia yang lebih sempurna dan selesa

Apa hasrat atau seruan KPKT kepada masyarakat bagi Sambutan Hari Habitat Sedunia tahun ini?

Hasrat KPKT adalah supaya semua ahli masyarakat dapat menghayati objektif sambutan pada tahun ini iaitu memastikan hak setiap individu untuk memiliki tempat tinggal yang selesa, selamat dan berkualiti serta tanggungjawab semua pihak terhadap masa depan penempatan manusia. Sehubungan itu, perancangan pembangunan bandar-bandar di Negara kita adalah amat diperlukan supaya pembangunan tersebut lebih tersusun. Hal ini adalah kerana didapati bandar-bandar yang tidak atau kurang terancang akan mengakibatkan pembangunan yang tidak mampan yang seterusnya akan membawa kepada penghijrahan ke kawasan bandar yang tidak terkawal atau seimbang. Bandar yang terancang mampu melahirkan peluang pekerjaan serta menyediakan penempatan yang lebih berkualiti kepada manusia sejagat. Pihak Kementerian amat mengalu-alukan penglibatan masyarakat umum, sektor swasta dan NGO dalam menjayakan program bagi Hari Habitat Sedunia setiap tahun.

CHANGING CITIES, BUILDING OPPORTUNITIES



Bersempena dengan sambutan Hari Habitat Sedunia, satu Majlis Pra Pelancaran Sambutan Hari Habitat Sedunia 2012 telah diadakan pada 17 Julai 2012 di Ruang Legar Aras 2, Stesen Sentral Kuala Lumpur dan telah dirasmikan oleh YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tujuan utama majlis ini diadakan adalah untuk memberi hebahan awal tentang program dan aktiviti yang akan dijalankan bersempena dengan Sambutan Hari Habitat Sedunia 2012. Antara program dan aktiviti yang akan dilaksanakan adalah Seminar Hari Habitat Sedunia 2012, Pertandingan Analisis Senario Habitat, Projek *House Build* dan Larian Jom! Kitar Semula dan Habitat 2012. YB Menteri turut menyampaikan hadiah kepada para pemenang Cabaran Meningkatkan Prestasi Pihak Berkuasa Tempatan (*PBT Challenge*). *PBT Challenge* ini dibahagikan kepada 2 cabaran iaitu cabaran



- Cetusan Idea dan Cabaran
- Inovasi / *Business Processing Reengineering*.

Selain itu, pelbagai pameran turut diadakan dan melibatkan penyertaan daripada jabatan-jabatan di KPKT serta kementerian dan agensi lain seperti Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Menerusi pameran dan aktiviti ini, KPKT mempamerkan aktiviti yang dijalankan oleh KPKT dengan kerjasama agensi Kerajaan dan swasta dalam merealisasikan visi UN-Habitat seperti *Project House Build*, Pertandingan *Photojournalism*, Program 3R, Program Ikrar Sedetik Habitat 1 Malaysia, *Habitat Magazine* dan Seminar Hari Habitat Sedunia 2012.

HABITAT KITA



PROGRAM LARIAN JOM! KITAR SEMULA DAN HABITAT 2012

Bersempena dengan Majlis Pra Pelancaran Sambutan Hari Habitat Sedunia 2012, turut berlangsung Majlis Pra-Pelancaran Program Jom! Larian Kitar Semula dan Habitat 2012.

YB Dato' Seri Chor Chee Heung telah menyempurnakan majlis perasmian Pra-pelancaran program tersebut dan sekaligus turut mendaftar sebagai peserta di dalam Program Jom! Larian Kitar Semula dan Habitat 2012.

Program tahunan anjuran Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini dilaksanakan bertujuan untuk menyemai budaya amalan kitar semula dan memberi pendedahan kepada orang awam mengenai aktiviti kitar semula dan impaknya terhadap alam sekitar.

Perbadanan membuka booth dan kaunter pendaftaran peserta Program Jom! Larian Kitar Semula dan Habitat 2012 kepada mereka yang berminat untuk sama-sama menyertai program ini. Pendaftaran peserta juga boleh dibuat di laman sesawang Perbadanan www.ppsppa.gov.my.

LEMBARAN FAKTA

- Tahun 2012 adalah tahun keempat pelaksanaan projek *House Build* yang dilaksanakan melalui program *Corporate Social Responsibility (CSR)* syarikat swasta. Sumbangan yang diterima dari agensi swasta / individu / pemaju adalah dalam bentuk wang atau usaha penyumbang sendiri untuk membaikpulih atau membina semula rumah-rumah tersebut.
- Setakat ini, program *House Build* 2012 diadakan di Kedah, Pulau Pinang, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Sarawak dan Sabah yang melibatkan 16 keluarga dan 90 orang isi rumah.
- Dari tahun 2009 sehingga kini, KPKT telah membaik pulih sebanyak 45 buah rumah dengan kerjasama pelbagai pihak. Bilangan rumah yang terlibat telah bertambah setiap tahun, iaitu enam (6) buah rumah pada tahun 2009 dan lapan (8) buah rumah pada tahun 2010. Bilangannya telah meningkat pada tahun 2011 dan 2012 iaitu masing-masing 15 dan 16 buah.

SEBELUM



Pandangan hadapan rumah



Bilik mandi dan tempat mencuci pinggan mangkuk



Lantai dan dinding bilik stor lama

SELEPAS



Dalam proses dibaikpulih



Bilik mandi - ditukar dinding




Lantai dan dinding diperkemas

KITAR SEMULA



Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara bakal menyasarkan 40% pengurangan sisa ke tapak pelupusan, 38% pengurangan pelepasan gas rumah hijau dan kesan ekonomi yang positif menjelang 2020. Sasaran ini dicadangkan selepas satu lab pengurusan sisa pepejal yang telah diadakan pada 26 Mac hingga 13 April 2012 di PICC, Putrajaya. Lab ini dianjurkan bertujuan untuk mengenal pasti cara terbaik bagi menguruskan sisa pepejal di Malaysia. Ianya telah disertai oleh stakeholders, Agensi Kerajaan seperti JAS, DOS dan Agensi Nuklear Malaysia. Selain itu, pemain industri, penyedia teknologi dan juga Badan Bukan Kerajaan (NGOs) turut menyertainya.

Hasil daripada perbincangan selama tiga (3) minggu, Lab telah mengesyorkan pengurusan sisa pepejal dilaksanakan mengikut keutamaan hirarki:




Berdasarkan keutamaan tersebut, tiga (3) cadangan utama disenaraikan iaitu :

Reduce, Reuse and Recycle	Perolehan Semula/ Rawatan	Pelupusan
---------------------------	------------------------------	-----------

HARI TERBUKA HASIL LAB PENGURUSAN SISA PEPEJAL

Hasil Lab tersebut juga, telah dipamerkan kepada orang ramai bagi tujuan perkongsian maklumat serta mendapatkan pandangan. Empat tempat telah dipilih bagi tujuan tersebut iaitu :

KL Sentral	Danga City Mall, Johor	East Coast Mall, Kuantan	Ipoh Parade
19 Jun 2012	19 Jun 2012	19 Jun 2012	19 Jun 2012



BANTU PELAJAR SEKOLAH HAYATI AMALAN KITAR SEMULA

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam telah menganjurkan satu Majlis Penutupan Bank Kitar Semula di Sekolah Sekolah Terpilih di Sekolah Menengah Kebangsaan Wangsa Maju Zon R1 pada 20 April 2012. Program ini merupakan salah satu projek rintis kitar semula Perbadanan telah dirasmikan oleh Encik Wee Beng Ee, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Pengurusan Perbadanan.

Majlis ini turut dihadiri oleh Puan Faridah binti Bahara Nordin, Pengarah Negeri Wilayah Persekutuan, Puan Halimahton binti Mohd Saleh, Pengetua SMK Zon R1 Wangsa Maju, Encik Farid bin Abdullah, Timbalan Pengurus Besar Alam Flora Sdn Bhd., Encik Umar Zakir bin Abdullah wakil dari Jabatan Pelajaran Negeri Wilayah Persekutuan dan semua guru dan pelajar-pelajar yang telah terlibat dalam Program Bank Kitar Semula Tahun 2011.

Sebanyak 10 buah sekolah (sekolah rendah dan menengah) terpilih di Wilayah Persekutuan telah memulakan program ini pada bulan April sehingga bulan November 2011. Jumlah keseluruhan barang kitar semula yang berjaya dikumpul oleh semua sekolah yang terlibat adalah sebanyak 18,226.8 kg dan ia bersamaan dengan RM6,059.50. Sepanjang program ini dilaksanakan, semua pelajar telah menunjukkan penglibatan yang aktif dan komitmen yang jitu dalam menjayakan program ini. Secara ringkasnya, Perbadanan telah berjaya membentuk pelajar sekolah dalam menghayati amalan kitar semula dan secara tidak langsung, ia juga telah dapat memberikan sumber pendapatan sampingan kepada para pelajar sekolah.

Sekolah-Sekolah Yang Terlibat Dalam Program Bank Kitar Semula Tahun 2011

Sekolah Menengah Kebangsaan Zon R1 Wangsa Maju
 Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Ibrahim Yaacob
 Sekolah Menengah Kebangsaan Setapak Indah
 Sekolah Kebangsaan Seri Murni
 Sekolah Kebangsaan Bukit Pantai
 Sekolah Jenis Kebangsaan (T) Kampung Pandan
 Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 8 (2)
 Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 11(1)
 Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 16 (1)
 Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Khai Mun Repas



50 SEKOLAH SERTAI MPMA-SCIENTEX FOUNDATION 3RS AWARENESS PROGRAMME 2012

Pada 19 Mei 2012, bertempat di Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), YBhg. Dato' Dr. Nadzri Yahaya, telah merasmikan Majlis Penyampaian Anugerah "MPMA-Scientex Foundation 3Rs Awareness Programme 2012, Melaka. Program ini telah berlangsung selama enam (6) minggu bermula pada 24 Mac 2012 dan melibatkan penyertaan sebanyak 50 buah sekolah dengan pecahan 39 buah Sekolah Rendah dan 11 buah Sekolah Menengah di seluruh Negeri Melaka.

MPMA-Scientex Foundation 3Rs Awareness Programme 2012 ini adalah merupakan penganjuran kali ketiga dan ianya bertujuan untuk mewujudkan kesedaran orang ramai terutamanya generasi muda dari terus memelihara dan memulihara alam sekitar melalui amalan 3R iaitu Kurangkan, Guna Semula dan Kitar Semula dalam kehidupan seharian. Justeru itu, pelbagai aktiviti dan pertandingan menarik melibatkan golongan pelajar telah diadakan. Pertandingan ini merupakan platform untuk mereka mempamerkan bakat seni dan kreativiti masing-masing. Antara pertandingan yang telah diadakan sepanjang program ini berlangsung adalah inovasi dari bahan kitar semula, melukis poster, video 3R dan pengumpulan bahan-bahan kitar semula. Hadiah yang ditawarkan kepada setiap pemenang dalam pertandingan yang diadakan juga cukup lumayan iaitu RM30,000 keseluruhannya.

Sebanyak 28.833 tan bahan-bahan kitar semula telah berjaya diperolehi sepanjang program ini berlangsung dan ianya menggambarkan penglibatan yang sangat memberangsangkan oleh para pelajar

Program ini merupakan anjuran bersama MPMA - Scientex Foundation dan JPSPN dengan sokongan Kerajaan Negeri Melaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Pelancongan Malaysia dan SWM Environment Sdn Bhd.





KPKT bersama dengan jabatan dan bahagian dibawah Kementerian telah terlibat dalam empat (4) siri Program Jelajah Janji Ditepati (JJD) yang telah diadakan seperti berikut:

Program	Tarikh	Tempat
JJD Negeri Kedah	8 Jun 2012	Kulim Hi-Tech, Kedah
JJD Negeri Perak	17 Jun 2012	Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC), Kamunting, Perak
JJD Negeri Melaka	23 Jun 2012	UTC, Jalan Hang Tuah, Melaka
JJD Negeri Selangor	8 Julai 2012	Padang Kawad LHDN, Teras Jernang, Bandar Baru Bangi, Selangor

Khidmat Nasihat Berkaitan Perumahan

- Orang Ramai berpeluang mendapatkan maklumat mengenai hak pembeli rumah, tips membeli rumah, maklumat pemaju yang berjaya dan pemaju yang di senarai hitam, projek perumahan terbengkalai

Khidmat Nasihat Pemfailan Kes Perumahan

- Kaunter ini memberi pendedahan mengenai hak pembeli rumah untuk memfail kes terhadap pemaju perumahan sekiranya terdapat isu berbangkit antara pemaju dan pembeli rumah berdasarkan Perjanjian Jual Beli (PJB) tidak lewat dari 12 bulan daripada tarikh pengeluaran perakuan siap dan pematuan (CCC), tarikh tamat tempoh liabiliti kecacatan seperti yang dinyatakan dalam PJB, tarikh penamatan PJB oleh mana-mana pihak sebelum tarikh pengeluaran CCC atau mana yang terkemudian dan 2 jenis tuntutan yang dibenarkan ialah tuntutan bukan teknikal dan tuntutan buka teknikal

Program 3R dan demonstrasi pengkomposan Takakura

- Program 3R ialah pengurangan sisa pepejal melalui penerapan 3R iaitu Reduce (Pengurangan), Reuse (Penggunaan Semula) dan Recycle (Kitar Semula). elemen 3R juga merupakan sebahagian dari Hiraki Sisa Pepejal. Penerapan amalan 3R di kalangan masyarakat secara tidak langsung dapat mengurangkan penghasilan sisa pepejal daripada dilupuskan ke tapak pelupusan manakala pengkomposan Takakura ialah teknik kitar semula dari Jepun.

Sisa Pepejal yang lestari

- Orang ramai akan didedahkan mengenai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dan juga penswastan Pengurusan Sisa Pepejal dan pembersihan awam di Semenanjung Malaysia. Maklumat ini akan membantu mewujudkan kualiti pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam tahap tinggi dan menjamin persekitaran yang lebih mampan. Penguatkuasaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) dan pelaksana penswastan penuh pegurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Semenanjung Malaysia telah berkuat kuasa bermula 1 September 2011.

Program Bandar Selamat

- Pengunjung akan berpeluang mendapatkan maklumat mengenai Program Bandar Selamat yang telah diwujudkan sejak 28 Januari 2004 lagi. Program ini bertujuan mewujudkan persekitaran bandar yang lebih selamat. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) memainkan peranan utama dalam program ini. Sehingga tahun 2009, sebanyak 39 PBT bertaraf Bandaraya dan Perbandaran menyertai dan melaksanakan beberapa langkah PBS.

Program JJD dijayakan dengan kerjasama kementerian - kementerian dan diselaraskan oleh Jabatan Perdana Menteri. Keseluruhannya kerja kuat oleh semua pihak dan juga pelaksanaan janji-janji kerajaan berjaya mewujudkan satu hubungan kukuh berupa ikatan yang tersimpul mati antara kerajaan pusat dengan rakyat tempatan yang semestinya dicapai hasil komitmen pemimpin tertinggi untuk menepati setiap janji kepada rakyat.





YB MENTERI BERSANTAI BERSAMA WARGA KPKT

Pada hari Sabtu (16 Jun 2012), Majlis Perjumpaan Khas YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan warga KPKT telah diadakan dengan pelbagai aturcara bagi memeriahkan lagi majlis tersebut yang diadakan di Taman Tasik Cempaka, Bangi.

Program yang bermula pada pukul 8.00 pagi telah dimulakan dengan aktiviti senamrobik yang melibatkan semua jemputan yang hadir, bersama ahli keluarga. YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyampaikan amanatnya kepada semua penjawat awam KPKT serta ahli keluarga pada pagi tersebut.

Selain daripada itu, bagi memeriahkan lagi majlis yang diadakan beberapa acara sukaneka diadakan iaitu terompah gergasi, bola beracun, bowling kelapa, water dragon dan sebagainya yang melibatkan peserta yang terdiri ibubapa dan anak-anak warga KPKT. Disamping menjalankan aktiviti riadah program tersebut juga dapat mengeratkan silaturahim antara ahli keluarga masing-masing di kalangan penjawat awam KPKT.



We Spotted Your Smile



SINGGAH SAHUR KSN KE BALAI BOMBA SRI HARTAMAS

Pada 09 Ogos 2012 jam 12:00 tengah malam pagi, Balai Bomba Sri Hartamas telah menerima kunjungan hormat dari YBhg. Ketua Setiausaha Negara (KSN) Datuk Seri Dr Ali Hamsa sempena rancangan Singgah Sahur anjuran TV3. YB Datuk KSN telah diiringi oleh Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Datuk Arpah Abdul Razak; Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), YAS Dato' Wan Mohd Nor Haji Ibrahim; dan Pengarah JBPMKL YS Khirudin Drahan @ Hussaini. Turut hadir dalam kunjungan ini ialah Timbalan KSU, pegawai –pegawai KPKT, pegawai dari Ibu Pejabat Putrajaya, Pegawai dari Ibu Pejabat JBPMKL dan selebriti-selebriti TV3. Dalam kunjungan ini, KSN telah memberikan sumbangan berupa hamper dan juadah



OPS RAYA 2012

Sempena sambutan Aidilfitri pada tahun ini, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah membuat persediaan rapi yang melibatkan seramai 9,100 daripada keseluruhan 13,000 pegawai bomba melalui Ops Raya yang bermula pada 10 Ogos hingga 26 Ogos 2012. Tujuan Ops Raya ini dilancarkan adalah untuk menyediakan perkhidmatan operasi yang cepat, pantas dan berkesan sekiranya berlaku sebarang insiden yang tidak diingini.

Melalui Ops Raya ini, JBPM telah mengambil beberapa tindakan dengan melakukan pemeriksaan dan penghapusan bahaya kebakaran di premis-premis perniagaan bagi memastikan semua laluan keselamatan bebas daripada apa-apa halangan serta rintangan. Tumpuan juga diberikan kepada pemeriksaan sistem keselamatan, laluan tangga kecemasan dan keadaan pintu rintangan api manakala notis atau denda boleh dikeluarkan kepada mana-mana premis yang didapati melanggar peruntukan sedia ada. Selain itu, Unit Peronda Bomba membuat rondaan dan pemantauan keselamatan di lebuhraya dan jalan persekutuan sempena sambutan Aidilfitri di 151 lokasi statik (Black Spot).

Pelancaran Ops Raya 2012 telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 8 Ogos 2012 bertempat di IOI Mall, Puchong, Selangor. Pelbagai aktiviti diadakan seperti pertandingan mewarna bagi kelas 3K, cabutan bertuah, Nyanyian artis dan Kombo Bomba, Demonstrasi Kebombaan, Penyampaian FC dan lain-lain.

YB Menteri juga berkesempatan berbuka puasa bersama anggota Bomba secara santai di Restoran Pelita bersebelahan tapak pelancaran. Turut hadir adalah YBhg. Datuk Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha KPKT; YAS Dato' Wan Mohd Nor Haji Ibrahim, Ketua Pengarah JBPM dan Pegawai Kanan KPKT dan JBPM.



MAJLIS BERBUKA PUASA DAN SOLAT TARAWIH WARGA KPKT

Sempena kedatangan Ramadhan 1433H (2012), KPKT telah mengadakan Perhimpunan Khas Penjawat Awam Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sempena Ramadhan 2012 pada 26 Julai 2012 (Khamis) bersamaan 6 Ramadhan 1433H. Majlis bermula seawal jam 6.30 petang dengan penyampaian tazkirah oleh Ustaz Mohamad Shukry Sulaiman bertempat di Dewan Kristal, KPKT. Majlis kemudiannya diteruskan dengan sesi berbuka puasa dan Solat Maghrib berjemaah. YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga turut serta bersama-sama Penjawat Awam KPKT untuk menjamu selera semasa jamuan makan malam yang diadakan di Lobi Utama KPKT dan Anjung KPKK. Majlis kemudian diteruskan dengan Solat Tarawih serta diakhiri dengan jamuan moreh.

Tazkirah Ramadan erat silaturahmi

Kita-kita ini baik-baik saja. Kami berseri-seri. Permasalahannya, Menteri Kesehatan (KEMENKES) mengatakan bahwa perkembangan kasus positif secara EPID dan angka kematian masih di bawah 100.000. Bagaimana? EPID, Penderita, dan angka kematian itu.

Sebelumnya, banyak kasus, angka yang berlimpah. Tapi, 7 miliar itu, dibandingkan dengan total 100 juta penduduk, tidak ada apa-apa. Apalagi, kalau kita akan menghidupi bangsa ini.

Angka itu sangat kecil. Dengan demikian, kematian. Menteri Perencanaan dan Ketenagakerjaan.

Untuk Seri Clear Chen Huang,
Ketika Bersejarah Korporasi
KPKY, Josephine Ma Laiter, Be-
kita ingin ini dilakukan dengan
tujuan memperluas informasi
antara kalangan korporasi
sehari-hari dengan kalangan Re-
spon.

"Maka seperti ini akan terus
mengurangi perbedaan
keturunan kalangan, Pribadi
yang baik dan jujur akan me-
lampaui perbedaan rasial ke-
yang hancuran sebagai ke-
nya produktif dan kreatif ke-
nya masyarakat," kata



SUMBANGAN UNTUK ANGGOTA BOMBA BERTUGAS



Majlis penyerahan kuih raya kepada pegawai yang bertugas dihari lebaran merupakan acara tahunan diadakan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Selangor dengan kerjasama PERSKEB JBPM Negeri Selangor. Majlis ini telah diadakan di Balai Bomba dan Penyelamat Puchong pada 14 Ogos 2012. Penyerahan kuih raya ini telah disampaikan oleh PKPJ B Othman Abdullah, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor kepada 31 buah balai di seluruh Negeri Selangor. Sesungguhnya pengorbanan dan kesanggupan pegawai dan anggota bomba bersikap sedia setiap masa untuk memberikan perkhidmatan yang unggul kepada masyarakat tanpa memikirkan kepentingan peribadi amatlah disanjung tinggi oleh Jabatan.

SEMINAR PENYEDIAAN KERTAS JEMAAH MENTERI, MAKLUM BALAS DAN URUSAN PARLIMEN

Seminar Penyediaan Kertas Jemaah Menteri, Maklum Balas dan Urusan Parlimen ini merupakan program tahunan yang dianjurkan oleh Bahagian Korporat, KPKT sejak tahun 2009.

Pada tahun 2012, seminar ini telah diadakan dari 17 hingga 20 Mei 2012 bertempat di Tanjung Bungah Beach Hotel, Pulau Pinang. Antara objektif seminar ini diadakan adalah untuk:

- mendedahkan peserta seminar kepada garis panduan dan peraturan penyediaan kertas Jemaah Menteri dan jawapan maklum balas Jemaah Menteri bagi memastikan kertas Jemaah Menteri yang disediakan oleh Jabatan/Bahagian dan diselaraskan oleh Bahagian Korporat, KPKT adalah teratur, cepat dan tepat selaras dengan Arahan Setiausaha Jemaah Menteri Bilangan 1 Tahun 2008;
- meningkatkan kemahiran penulisan kertas Jemaah Menteri dan penyediaan jawapan maklum balas Jemaah Menteri di kalangan peserta seminar, selaras dengan piawaian dan standard yang ditetapkan oleh Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri (BKPP, JPM); dan
- meningkatkan kemahiran peserta seminar dalam menyediakan jawapan Parlimen yang bermutu dan memenuhi kehendak soalan.

Bagi menjayakan seminar ini, Bahagian Korporat, KPKT telah menjemput empat (4) orang penceramah dari Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan, JPM dan penceramah luar yang masing-masing mempunyai kepakaran dan pengalaman yang luas dalam bidang masing-masing. Seminar ini telah dihadiri oleh 43 pegawai Gred 41 hingga Gred 48 daripada semua jabatan/bahagian di KPKT yang terlibat secara langsung dalam penyediaan kertas Jemaah Menteri, maklum balas dan urusan Parlimen.

PUSAT SUMBER BPWG



Penubuhan pusat sumber Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai KPKT telah diilhamkan oleh SUB(WG).

Pusat sumber BPWG telah ditubuhkan pada 1 April 2012. Encik Tan Swee Keng dan Cik Juslinah Dian Rangga telah diamanahkan untuk menjayakan projek ini.

Pusat sumber ini beroperasi setiap hari dari jam 8.30 pagi hingga 5.00 petang dengan pelbagai sumber rujukan, buku-buku akta dari pelbagai agensi, buku-buku ilmiah, majalah, keratan akhbar dan juga suratkhbar harian.

PERCAMBAHAN ILMU

SEMINAR CIO KPKT BERSAMA PEGAWAI SKIM F



Seminar CIO KPKT bersama Pegawai-pegawai Skim F di bawah KPKT telah diadakan pada 19 April 2012 bertempat di Dewan Kristal KPKT. Seminar ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datin Noriah binti Hashim selaku CIO KPKT. Seramai 115 orang peserta telah menghadiri seminar ini. Objektif penganturan seminar ini ialah :

- Untuk memberi kefahaman mengenai halatuju ICT KPKT.
- Memberi penerangan yang jelas mengenai perkembangan dan perancangan ICT, KPKT.
- Memupuk jalinan kerjasama antara semua CIO KPKT dan pegawai-pegawai skim F di KPKT.

BENGKEL ASAS SIASATAN DAN PEMAHAMAN AKTA 400 DAN AKTA 81

Bengkel Asas Siasatan dan Pemahaman telah diadakan pada 27-29 Jun 2012 bertempat di ILPK, Bukit Tinggi. Bengkel pada kali ini telah dihadiri oleh seramai 24 pegawai dari bahagian BPWG, serta dua (2) orang dari Jabatan Ketua Menteri Sarawak, dua (2) orang dari Kementerian Kewangan Sabah, dan satu (1) orang dari Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), KPKT. Matlamat penganturan bengkel ini adalah bertujuan memberikan pendedahan kepada semua pegawai-pegawai yang terlibat dalam pelaksanaan Akta 400 dan Akta 81 amnya, dan juga proses siasatan dan penguatkuasaan khususnya.



BENGKEL ASAS AKTA 400 DAN AKTA 81



Bengkel Asas Siasatan dan Bengkel Penyelarasan Akta Landskap yang diadakan pada 17 Julai 2012 adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumbalas serta pandangan 'Stakeholder' terhadap kepentingan dan keperluan kepada penggubalan Akta Landskap. Bengkel ini juga bertujuan sebagai sesi percambahan fikiran untuk mendapatkan input profesional landskap dari pelbagai bidang yang berkaitan dengan pembangunan landskap. Secara keseluruhannya Bengkel Penggubalan Akta Landskap bersama 'Stakeholder' ini telah mencapai sasaran yang ditetapkan dimana setiap peserta telah memberikan input yang diperlukan serta komitmen terbaik bagi setiap sesi perbentangan.

AKTIVITI BOMBA



Sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia 2012 merupakan penghargaan kerajaan kepada anggota-anggota bomba yang telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada rakyat Negara ini. Pada masa ini seramai 13,000 anggota bomba berkhidmat di seluruh Negara disamping seramai (15,575 orang) Bomba Sukarela (354 Pasukan).

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang telah menyempurnakan Sambutan Hari Bomba Sedunia 2012 (*World Firefighters' Day 2012*) di Pekan, Pahang pada 5 Mei 2012. Majlis tersebut turut dihadiri oleh YAB Dato' Sri Diraja Adnan Haji Yaakob, Menteri Besar Pahang, YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YBhg Datuk Arpah binti Abdul Razak, Ketua Setiausaha, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YAS Dato' Wan Mohd Nor Hj Ibrahim, Ketua Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Pegawai Kanan KPKT, Pegawai Kanan JBPM dan para pembesar Negeri Pahang.

HARI ANGGOTA BOMBA SEDUNIA 2012



Program sambutan ini telah bermula pada 3 Mei 2012 lagi dengan Majlis Bacaan Yasin dan Tahliil serta Khutbah Khas Jumaat, di Masjid Negeri, Kuantan Pahang. Kemuncak Sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia 2012 telah diadakan di Dataran Pekan, Pahang pada 5 Mei 2012. Pelbagai acara menarik telah diadakan khas untuk pengunjung yang hadir.

Mencemar duli ke majlis ini ialah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Pahang Sultanah Hajjah Kalsom, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang dan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang. Majlis ini juga dihadiri oleh Y.A.B. Menteri Besar Pahang, Ketua Setiausaha KPKT.

3 Mei 2012 7 malam	4 Mei 2012 1 tengahari	5 Mei 2012 8 pagi	5-6 Mei 2012 9 pagi – 10 malam	5 Mei 2012 12.00 tengahari	5 Mei 2012 9 malam	6 Mei 2012 7 pagi
Majlis Bacaan Yasin dan Tahliil	Bacaan Khutbah Sembahyang Jumaat	Majlis Sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia 2012	Pameran Kebombaanan	Pertunjukan Kebombaanan	Persembahan Pentas	Larian Bersama Bomba
Masjid Negeri Sultan Haji Ahmad Shah 1, Kuantan, Pahang	Masjid Negeri Sultan Haji Ahmad Shah 1, Kuantan, Pahang	Dataran Pekan, Pahang	Dataran Pekan, Pahang	Dataran Pekan, Pahang	Dataran Pekan, Pahang	Dataran Merdeka, Kuala Lumpur

LARIAN HARI BOMBA TAHUN 2012

Bersempena dengan Sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia 2012, Larian Bersama Bomba Kali Ke-X telah diadakan pada 6 Mei 2012, di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur. Acara ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Seramai 5,000 peserta telah menyertai Larian Bomba bagi semua kategori antaranya terbuka lelaki dan wanita; veteran lelaki dan wanita; ahli bomba senior dan junior; dan pelajar sekolah. Tidak ketinggalan seramai 310 peserta daripada kategori VVIP dan VIP yang terdiri daripada anggota pengurusan tertinggi KPKT, Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia dan jemputan Khas..



MAJLIS PERASMIAN BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT HUTAN MELINTANG, PERAK DARUL RIDZUAN

Pada 5 Jun 2012, Majlis Perasmian Balai Bomba dan Penyelamat Hutan Melintang telah disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan, Raja Dr. Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Yang Ke-84.

Turut hadir pada majlis tersebut adalah D.Y.A.M Raja DiHilir Perak Darul Ridzuan, Raja Ja'afar bin Raja Muda Musa, YAB Menteri Besar Perak Darul Ridzuan, Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry bin Abdul Kadir, YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Y.Bhg Datin Noriah binti Hashim, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KPKT, YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, YB Dato' Abdul Puhat Mat Nayan, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan, YAS Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) JBPM, pegawai-pegawai Kanan JBPM serta pembesar-pembesar Negeri Perak Darul Ridzuan.

Majlis pada pagi tersebut dimulakan dengan pemeriksaan kawalan kehormatan oleh DYTM Raja Muda Perak Darul Ridzuan. Seterusnya baginda menyempurnakan titah perasmian, gimik serta menandatangani plak perasmian.

Pertunjukkan kebombaanan yang dipersembahkan dalam majlis tersebut dikendalikan oleh pasukan dari JBPM Negeri Perak dengan kerjasama Unit Udara JBPM berkaitan dengan operasi penyelamatan kemalangan jalan raya.

DYTM Raja Muda Perak Darul Ridzuan juga telah berkenan melawat pameran yang bertemakan "Bomba 1 Malaysia dan Kerjaya Bomba". Majlis tersebut telah diakhiri dengan tetamu yang hadir mengiringi keberangkatan DYTM Raja Muda Perak Darul Ridzuan.



INTERNATIONAL FIRE CHIEFS' ASSOCIATION OF ASIA

Persidangan *International Fire Chiefs' Association of Asia* (IFCAA) telah diadakan di Sapporo, Jepun pada 21 hingga 22 Jun 2012 dan disertai oleh ketua-ketua perkhidmatan bomba dari seluruh Negara Asia. Persidangan ini dikeketuai oleh Yoshio Kitamura, *Fire Chief, Tokyo Fire Department*. Naib Presiden IFCAA yang turut hadir ialah Chan Chor-Kam Andy, *Director of Fire Services, Hong Kong Fire Department* dan YAS Dato' Wan Mohd Nor Haji Ibrahim, Ketua Pengarah JBPM.

YAS Dato' Wan Mohd Nor Haji Ibrahim telah diberi penghargaan untuk mengumumkan deklarasi bersama mengenai isu menangani bencana di negara serantau. Turut hadir dalam persidangan yang diadakan ini ialah PgKB I Md Hilman Abd Rashid, Pengarah JBPM Putrajaya.

Selain daripada menyertai persidangan, Jabatan juga telah menyertai *International Rescue Team Joint Training Drill*, yang diwakili oleh PKPgB Mohd Yaacob Jusoh dan PKPgB Khairuddin Jamaludin.



BOMBA DI HIMPUNAN JUTAAN BELIA 2012

Program Himpunan Jutaan Belia 2012 telah diadakan pada 23 hingga 27 Mei 2012 di Putrajaya. Perhimpunan yang menampilkan 38 segmen, menyediakan kira-kira 500 aktiviti, tersusun di laluan sejauh enam kilometer yang dilengkapi dengan 24 pentas pertunjukan untuk dikunjungi orang ramai. Program itu disasarkan menjadi antara 10 karnival tahunan terbesar dunia.

Program Himpunan Jutaan Belia ini diadakan bagi mengiktiraf sumbangan golongan belia kepada negara dan kerajaan. Sebagai tanda sokongan terhadap program ini, KPKT melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menyertai pelbagai segmen seperti Pameran Kebombaanan, Demonstrasi, Persembahan Kombo, Kawad Etnik dan sebagainya. YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyempurnakan Pelancaran Pameran Kebombaanan pada 26 Mei 2012 jam 2.15 petang.

Pasukan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah melakukan demonstrasi menyelamat pada 26 Mei 2012 bertempat di Sektor X daripada pukul 4.00 petang hingga 5.00 petang. Antara demonstrasi yang telah dipersembahkan adalah situasi menyelamat mangsa kemalangan jalanraya.



ADUAN SAMPAH.LONGKANG.RUMPUT.
1800 88 7472
www.aduansisa.my



LORION JOM! kitar Semula & Habitat 2012



Tarikh Larian - 17 November 2012 (Sabtu)

	NEGERI	LOKASI
1	Johor	Dataran Johor Bahru
2	Kelantan	Perkarangan Stadium Sultan Muhammad ke-4
3	Pahang	Perkarangan Taman Bandar, Pahang
4	Perlis	Perkarangan Stadium Utama Kangar
5	Kedah	Perkarangan Stadium Darul Aman
6	Wilayah Persekutuan	Laman 1 Malaysia Putrajaya
7	Melaka	Jalan KF 4, Kota Fesyen, MITC
8	Negeri Sembilan	Perkarangan Stadium Tunku Abdul Rahman Paroi
9	Terengganu	Pantai Batu Buruk

** Penganjur berhak membuat sebarang pindaan dan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.*

MAKLUM BALAS

Sebarang maklum balas/aduan berkaitan KPKT dan Jabatan/Bahagian dibawahnya, sila layari
<http://ehome.kpkt.gov.my/aduan-online> atau SMS ke 15888 atau emel ke pro@kpkt.gov.my